



ملاك هاري اين
MELAKA HARI INI

MELAKA ONE NUMBER CALL CENTRE (ONCC)
Ingin tahu nombor telefon agensi kerajaan untuk sebarang bantuan dan khidmat nasihat berkaitan Covid-19?
Sila hubungi ONCC di talian:
06-333 3333
(24 jam termasuk Sabtu dan Ahad)




PERIKATAN NASIONAL

PERIKATAN NASIONAL

BERSATU PAS GERAKAN

BARISAN NASIONAL



UMNO MCA MIC

PAKATAN HARAPAN

PAKATAN HARAPAN

PKR DAP AMANAH

#prnmelaka2021

Gendang dipalu

- ✓ PRN Melaka pada 20 Nov, penamaan calon 8 Nov - SPR
- ✓ UMNO muktamad tidak bekerjasama dengan Bersatu
- ✓ PH fail saman berhubung pembubaran DUN Melaka

- ✓ PAS yakin kerjasama parti politik lain mampu dicapai tanpa perbalahan
- ✓ Majlis Presiden PH tolak Norhizam sebagai calon 2,3&4

KM jamin
kepentingan rakyat

5

Ketabahan sang isteri

9

10,000 penyokong
boleh gegau 'Jebat'

24

kini halal Talkshow Series

Rakan Strategic

Muhammad Hafif
Ketua Hal Ehwal Halal
Pharmaniaga
Manufacturing BerhadYusriana Mohd Yusoff
Ketua Jabatan
Pembangunan Sektoral
Halal Development Corporation**Halatuju kerjaya
Eksekutif Halal?**

Apakah peluang yang ada untuk menjadi pakar dalam kerjaya ini?

29 Oktober 2021 | 3pm | Zoom & LIVE FB

Moderator:
Syedat Izzani
kini halalHaiqal Syukri
Pengarah Eksekutif
Malacca Industrial Skills
Development &
Entrepreneurship CentreSyukry Ibrahim
Pen.Pengarah Hal Ehwal
Islam & Hubungan Kerajaan
Mamee Double Decker
(M) Sdn.Bhd

UMNO tidak akan bekerjasama dengan Bersatu - Ahmad Zahid



PILIHAN RAYA NEGERI
MELAKA 2021

Perikatan Nasional (PN).

"Saya tidak nampak kearah itu (kerjasama UMNO bersama PAS dan PN)," ujarnya.

Dalam pada itu, mengulas kesiasiaan parti itu menjelang PRN, katanya, semua jentera seluruh negara akan dimobilisasikan bagi membantu PRN Melaka.

Katanya, setiap jentera yang turun haruslah menggunakan pendekatan berbeza bagi memastikan pengundi-pengundi di Melaka menerima 'hidangan' baharu daripada UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Saya juga berpesan kepada jentera supaya jangan pernah ambil mudah kepada kesiasiaan yang harus dipertingkatkan kerana walaupun PRN ini hanya di peringkat negeri, tetapi jentera semua parti yang menawarkan diri datang dari seluruh negara."

"Jadi, pendekatan yang harus diartikulasikan bukan dibuat secara konvensional atau secara sembarangan," katanya.

Sementara itu, dalam sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan jentera parti menjelang hari penamaan calon pada 19 Okt lalu, Ahmad Zahid menganggap semua kawasan perlu menjadi fokus untuk memenangi PRN kali ini dan bukannya tiga kerusi DUN iaitu Sungai Udang, Pantai Kundor dan Pengkalan Batu semata-mata.

"Saya anggap semua kawasan adalah panas dan kita akan bekerja keras dalam kawasan-kawasan itu," katanya.

Ahmad Zahid menambah, UMNO kekal berpegang pada perlumbagaan parti dalam menentukan calon PRN nanti.

"Biar pun kita mengenal pasti kawasan



AHMAD Zahid dalam sidang media di Pejabat UMNO Hang Tuah Jaya, baru-baru ini.

fokus tapi kita berpegang apa yang termaktub dalam perlumbagaan UMNO yang menyebutkan bahawa calon-calon dalam pilihan raya hendaklah dibincangkan di peringkat bahagian.

"(Keputusan) yang kemudiannya dikemukakan kepada kepimpinan atasan untuk ditandatangani watak namun keputusan muktamad akan dibuat sebelum hari penamaan calon," jelasnya.

Pilihan raya bukan platform tabur fitnah - Ab Rauf



Faiz Hasan

MASJID TANAH – Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka tidak seharusnya menjadi medan untuk menabur fitnah, kata Pengerusi Barisan Nasional (BN) Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Jelasnya, setiap parti yang bertanding wajar menggunakan platform berkenaan sebaiknya dan mengamalkan politik matang demi membela nasib rakyat.

"Kita mengharapkan bahawa dalam pilihan raya ini semua parti dapat menggunakan platform ini sebaiknya, bukan (sebagai) tempat untuk menabur fitnah ataupun keburukan orang."

"Di pihak BN sendiri, kita akan terus dengan visi membela rakyat dan kita harap kali ini kita bersama-sama dengan rakyat Melaka menunjukkan bahawa kematangan politik ini bermula dari negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media yang diadakan di Masjid Tanah pada 19 Okt lepas.

Mengulas soal persiapan menghadapi PRN 20 Nov depan, Ab Rauf berkata, kesemuajentera pilihan raya, mahu pun bilik gerakan dan jentera di peringkat lokality sudah membuat persiapan rapi bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

Meskipun prosedur operasi standard (SOP) pun berkompen masih belum diperinci Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), namun beliau yakin ia sama sekali tidak akan menjelaskan tempoh berkompen selama 12 hari yang ditetapkan.

"Saya tidak mahu berteka-teki apa yang bakal diperinci oleh SPR berhubung mekanisme berkompen."

"Namun, memandangkan Melaka telah masuk fasa 4, ia seakan memberikan satu perkembangan yang baik dalam kaedah berkompen ini."

"Saya percaya rakyat Melaka boleh berkompen dan boleh keluar pada hari mengundi seperti biasa," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut berharap PRN Melaka dapat menjadi penanda aras baharu bagi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang akan datang.

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25 OKTOBER 2021	5.45 am	6.54 am	12.58 pm	4.16 pm	6.58 pm	8.08 pm
26 OKTOBER 2021	5.45 am	6.54 am	12.58 pm	4.16 pm	6.58 pm	8.08 pm
27 OKTOBER 2021	5.45 am	6.54 am	12.57 pm	4.16 pm	6.58 pm	8.08 pm
28 OKTOBER 2021	5.45 am	6.54 am	12.57 pm	4.16 pm	6.58 pm	8.08 pm
29 OKTOBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.16 pm	6.57 pm	8.08 pm
30 OKTOBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm
31 OKTOBER 2021	5.44 am	6.54 am	12.57 pm	4.17 pm	6.57 pm	8.08 pm

Melaka mengundi 20 Nov



ABDUL Ghani



BANDA HILIR - Melaka akan mengundi pada 20 November untuk Pilihan Raya Negeri (PRN), bagi memilih satu kerajaan negeri. Negeri bersejarah ini mulai merasai demam pilihan raya apabila Dewan Undangan Negeri (DUN) terpaksa dibubarkan selepas empat wakil rakyat pihak kerajaan mengisyiharkan tidak lagi menyokong parti pemerintah.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menetapkan hari penamaan calon pada Isnin 8 Nov.

Ini bermakna parti-parti yang bertanding mempunyai tempoh selama 12 hari untuk berkempen.

PRN Melaka dijangka menyaksikan pertandingan di semua 28 kerusi DUN. Inilah pertama kalinya sebuah negeri di Semenanjung Malaysia mengadakan PRN bersendirian dan bukan semasa Pilihan Raya Umum.

Pengerusi SPR, Datuk Abdul Ghani Salleh dalam sidang akhbar 18 Okt memaklumkan hari pengundian awal ialah pada 16 November.

Seramai 495,196 pengundi layak mengundi berdasarkan senarai pengundi yang dikemaskini pada 3 Oktober 2021.

Beliau juga berkata, sebanyak 28 pusat penamaan calon dan 28 pusat penjumlahan rasmi undi akan digunakan.

Manakala 217 pusat mengundi membabitkan 1,109 tempat mengundi (saluran) mengundi dan 31 pusat mengundi

awal.

Ia membabitkan seramai 12,290 petugas yang akan dilantik bagi mengendalikan proses pilihan raya berkenaan.

Katanya, waktu mengundi akan bermula jam 8 pagi sehingga 5.30 petang dan menyasarkan 70 peratus pengundi akan keluar mengundi.

"Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen 'Jom Kita Undi' melalui pelbagai saluran media termasuk media elektronik, media sosial dan hebahan melalui siar raya dan pemasangan kain rentang di lokasi strategik tumpuan awam."

Beliau berkata, dianggarkan sebanyak RM46 juta diperlukan bagi membiayai PRN Melaka ini.

Katanya, peruntukan yang besar itu diperlukan memandangkan persiapan pilihan raya sepanjang musim COVID-19 agak tinggi.

Mengenai pandemik COVID-19, beliau berkata beberapa SOP baharu akan diperkenalkan.

Namun, katanya, SOP tersebut tidak menetapkan pengundi wajib lengkap dua dos vaksin.

"Garispanduan Pencegahan SOP COVID-19 bagi tujuan PRN Melaka masih belum dimuktamadkan."

"SOP ini akan berpandukan kepada pandangan dan nasihat dari Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari semasa ke semasa," katanya.

Pertembungan tiga penjuru Tiada siapa untung - Muhyiddin

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BANDA HILIR - Pertembungan tiga penjuru tidak memberi keuntungan kepada mana-mana parti atau gabungan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka nanti, tegas Penggerusi Perikatan Nasional (PN) Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sebaliknya beliau berkata, ia sekadar memberi rakyat lebih banyak pilihan dalam memilih dan menentukan barisan kepimpinan yang akan menerajui kerajaan negeri kelak.

"Tidak semestinya (pertembungan tiga penjuru menguntungkan satu-satu parti). Sama ada pertembungan itu memberi kesan atau tidak, kita sudah tidak boleh elak.

"Pertimbangan paling penting

kini adalah pada rakyat. Rakyat akan tentukan siapa mereka mahu.

"Rakyat juga mempunyai banyak pilihan untuk menentukan masa depan negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas mengadakan sesi dialog bersama pemain industri di Melaka, di Hotel Hatten, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kesemua parti komponen di dalam PN (Bersatu, PAS dan Gerakan) kini sudah bersedia untuk menghadapi PRN Melaka meskipun terpaksa berdepan pertembungan tiga penjuru dengan Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH).

Katanya, PN tidak boleh me-


nunggu terlalu lama keputusan kerjasama dengan BN memandangkan masih tiada isyarat jelas diberikan pucuk pimpinan parti tersebut.

"Pada saya, ini penting kerana kalau tiada isyarat jelas kita akan pursue ikut keputusan yang dibuat PN peringkat kebangsaan."

"Bersatu, PAS dan Gerakan telah bersetuju kalau kita perlu berdepan tiga penjuru sekalipun, kita sedia hadapinya," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin yang juga Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) berkata, setakat ini belum ada sebarang keputusan mengenai pembahagian kerusi bertanding.

Jelas beliau, perkara itu akan diputuskan dalam masa terdekat.



PAS tidak pinggir mana-mana parti komponen - Ahmad Samsuri

AYER KEROH - PAS perlu menjadi orang tengah dalam memperkuuhkan kerjasama bersama Perikatan Nasional (PN) mahupun Muafakat Nasional (MN) bagi menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, kata Naib Presidennya Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Jelasnya, parti itu memainkan peranan yang cukup

penting dalam PRN kali ini, meskipun sebarang keputusan mengenai kerjasama politik belum dimuktamadkan.

Beliau bagaimanapun optimis keputusan sama ada parti itu bakal menjalin kerjasama bersama PN atau MN akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

"Kedua-dua PN dan MN merupakan entiti yang pent-

ing dalam negara kerana masing-masing ada peranan yang perlu kita pertahan dan perkuuhkan.

"Memang sejak dari dulu lagi PAS sentiasa menekankan untuk memperkasa kedua-dua gabungan parti ini."

"Jadi tidak timbul soal kita meminggirkkan mana-mana parti komponen dalam PN atau MN," katanya dalam

sidang media selepas Majlis Pelancaran Gempur PN Melaka, baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Agung PN, Datuk Seri Hamzah Zainudin, tiga Naib Presiden Bersatu iaitu Datuk Seri Ronald Kiandee, Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen dan Datuk Dr Radzi Md Jidin.

Mengulas lanjut, beliau

berkata, pihaknya yakin kerjasama parti politik lain pada PRN mampu dicapai tanpa sebarang perbalahan mahupun perselisihan faham.

"PAS ada berbincang dan membuat penilaian untuk mencari titik persamaan kerana kalau matlamat itu kita tidak jumpa, sampai bila-bila (kerjasama) tidak boleh dicapai," katanya.





Norizan Muhib

AYER KEROH – Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) menolak bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee sebagai calon parti pembangkang itu dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Majlis itu berkata, mesyuarat pada 21 Okt turut tidak membangkitkan pencalonan tiga lagi bekas ADUN Melaka bagi menghadapi PRN yang akan diadakan tidak lama lagi.

"Dalam isu empat bekas ADUN, PH telah menerima pandangan semua pihak yang tegas tentang perkara ini. Perlu ditekankan kepentingan rakyat adalah lebih penting daripada mana-mana individu."

"Oleh kerana mereka bukan ahli mana-mana parti komponen PH, maka soal pencalonan mereka dalam PRN tidak berbangkit di dalam mesyuarat hari ini (21 Okt).

"Majlis Presiden PH turut memutuskan bahawa Datuk Norhizam Hassan Baktee tidak akan dijadikan calon PH dalam PRN Melaka," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada 21 Okt lepas.

Kenyataan tersebut dikeluarkan oleh Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng; Presiden Amanah,

“ Dalam isu empat bekas ADUN, PH telah menerima pandangan semua pihak yang tegas tentang perkara ini

Perlu ditekankan kepentingan rakyat adalah lebih penting daripada mana-mana individu. ”

- Majlis Presiden PH

Mohamad Sabu dan Presiden UPKO, Datuk Seri Madius Tangau.

Dalam pada itu, Majlis Presiden PH bersetuju melantik Pengurus PH negeri, Adly Zahari mengetua jentera pilihan raya PH bagi menghadapi PRN negeri.

Selain daripada itu, pihaknya juga akan menghantar wakil untuk berbincang dengan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung prosedur operasi standard (SOP) PRN negeri.

"Ini bagi menyatakan pandangan PH dan memastikan prinsip demokrasi dijunjung, hak parti-parti politik bertemu pengundi tidak terjejas.

"Kita mahukan perjalanan pilihan raya adalah adil kepada semua pihak terutama pada ketika Melaka berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara," kata kejayaan itu.

Sementara itu, Norhizam ketika dihubungi pemberita seolah-olah memilih mendiamkan diri dan enggan mengulas mengenai keputusan tersebut.

Katanya, satu kenyataan akan dikeluarkan apabila tiba masa yang sesuai.

"Nanti saya komen, nanti



NORHIZAM

saya komen. Ramai wartawan hubungi saya. Saya tak tahu nak kata apa," katanya.

Sebelum ini, DAP secara lantang menolak Norhizam daripada menyertai PH.

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dalam sidang media pada 19 Okt menyatakan tiada lagi tempat untuk bekas Naib Presiden DAP Melaka itu menyertai parti komponen pembangkang itu.

"Saya tak mahu sebutlah (alasan itu), saya mahu sebut ini saja (tidak menerima Norhizam). Cukuplah, tak perlu pergi kepada asal-usul beliau, semua orang tahu."

"Saya hanya mahu nyatakan, DAP tak terima dia sebagai calon dalam PRN, itu saja," katanya.

mati.

"Kita menyedari bahawa kita masih berhadapan dengan pandemik COVID-19 di mana kesihatan dan keselamatan rakyat menjadi keutamaan."

"Kita juga menyedari Melaka baharu melangkah ke Fasa 4, di mana aktiviti ekonomi rakyat baharu berjalan dengan baik bagi memastikan pemulihran ekonomi rakyat tidak terjejas."

"Maka, saya mewakili PH Negeri Melaka, melalui firma Gan Ho dan Razlan Hadri memfailkan saman kepada pihak berkenaan untuk menilai fakta, prosedur dan proses pembubaran DUN Melaka yang ke-14," katanya dalam satu kenyataan pada 22 Okt lepas.



ADLY

PH fail saman pembubaran DUN Melaka

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Pakatan Harapan (PH) Melaka bertindak memfailkan saman berhubung pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka yang ke-14.

Pengerusi PH Melaka Adly Zahari, berkata tindakan itu diambil melalui firma guaman Gan Ho dan Razlan Hadri untuk menilai fakta, prosedur dan proses pembubaran DUN pada 4 Okt lalu.

Katanya, tindakan itu diambil atas prinsip serta semangat bagi memastikan perlembagaan dan keluhuran undang-undang terus dihor-



GUAN Eng dalam sidang media di Lorong Pandan pada 19 Okt berkeras menolak Norhizam sebagai calon PH pada PRN Melaka 20 Nov depan.

PKR cadang tambah 4 kerusi bertanding

Din Ahmad

BANDARAYA MELAKA – Cadangan PKR

Melaka untuk menambah empat lagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang ditandingi pada Pilihan Raya Negeri (PRN), akan dibincangkan dalam mesyuarat Pakatan Harapan (PH) negeri tidak lama lagi.

Sehubungan itu, PKR yakin PH tiada halangan berhubung cadangan berkenaan dan tidak akan berlaku perburuan kerusi terbabit.

Pengerusi PKR Melaka, Datuk Halim Bachik berkata, empat kerusi berkenaan tidak harus dijadikan rebutan se-sama parti komponen PH, se-



HALIM

baliknya harus dirampas daripada Barisan Nasional (BN) dan Perikatan Nasional (PN).

"Perkara ini akan kami bincangkan dalam mesyuarat PH negeri tidak lama lagi bagi mendengar pandangan rakan dalam komponen PH," katanya ketika dihubungi MHI.

Halim menjelaskan, empat kerusi itu adalah sebahagian daripada enam kerusi yang ditandingi Bersatu pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) yang mana pada ketika itu parti berkenaan adalah sebahagian daripada sekutu PH.

Halim bagaimanapun enggan menjelaskan empat kerusi yang dicadangkan bakal ditandingi PKR.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 25-29 OKTOBER 2021

Isnin 25/10/2021	Selasa 26/10/2021	Rabu 27/10/2021	Khamis 28/10/2021	Jumaat 29/10/2021
Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Tiada hujan	Pagi: Ribut petir di satu dua tempat di kawasan pedalaman Petang: Tiada hujan	Pagi: Ribut petir di satu dua tempat di kawasan pedalaman Petang: Tiada hujan	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Ribut petir di satu dua tempat	Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai Petang: Ribut petir di satu dua tempat
Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°	Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°	Malam: Tiada hujan Min: 24° / Maks: 33°

KM jamin kepentingan rakyat

Norizan Muhid

AYER KEROH – Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali memberi jaminan kepentingan rakyat di negeri ini tidak akan tergugat, susulan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka pada 4 Okt lalu.

Menurutnya, pentadbiran kerajaan negeri yang diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) tetap berjalan seperti biasa dan melaksanakan dasar serta polisi yang telah diputuskan atau dibuat sebelum ini.

"Mana-mana perkara atau masalah yang berkaitan dengan rakyat masih boleh diadukan kepada jabatan dan agensi kerajaan negeri dan Persekutuan yang berkaitan."

"Begitu juga dengan Ketua Menteri dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), kami masih lagi bekerja dan berkhidmat walaupun dalam kapasiti yang ter-

had.

"Yang tidak ada lagi hanya Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) selepas terbubarnya Dewan Undangan Negeri," katanya bersiaran dalam segmen 'Bicara Ketua Menteri' bersama MelakaFM pada 21 Okt lepas.

Ketua Menteri turut meminta maaf kepada rakyat di negeri ini susulan pembubaran DUN Melaka memandangkan tindakan itu diambil sewaktu rakyat masih bergelut dengan pandemik COVID-19.

"Ia akibat tindakan sesetengah ahli politik yang masih lagi mahu terus bermain politik meskipun di waktu dan ketika ini, rakyat masih lagi bergelut untuk meneruskan kelangsungan hidup pasca pandemik."

"Maka saya tidak mempunyai pilihan melainkan terpaksa menasihatkan pembubaran DUN dan menyerahkan semula mandat kepada rakyat sebagai jalan pe-

nyolesian terbaik," ujarnya.

Menurut Sulaiman, tindakan membubarkan DUN tidak dibuat sewenang-wenangnya apatah lagi ketika rakyat Melaka masih bergelut untuk meneruskan kehidupan ekoran pandemik COVID-19.

"Kita tidak suka-suka untuk membubarkan DUN ini, lebih-lebih lagi ketika rakyat sedang bergelut dengan keadaan sekarang, ada yang hilang pekerjaan, masih lagi tercari-cari kerja baru."

"Mereka yang berniaga pula, baru nak memulakan kembali perniagaan yang terpaksa ditutup sebelum ini, begitu juga dengan anak-anak yang bersekolah, mereka baru saja nak memulakan sesi persekolahan bersemuka."

"Biarlah rakyat yang akan membuat keputusan nanti tentang kerajaan yang bagaimana yang mereka mahukan untuk memimpin mereka dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.



SULAIMAN

PM mahu kebajikan keluarga Allahyarham Mohd Diya terjaga

KRUBONG – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi sumbangan peribadi kepada keluarga anggota bomba Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh di kediamannya di Taman Krubong Jaya, pada 22 Okt lalu.

Allahyarham Mohd Diya meninggal dunia setelah lemas dalam misi menyelamat mangsa banjir di Sungai Putat pada 21 Okt lepas.

Sumbangan berupa wang tunai itu diserahkan oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Syed Mohd Fazmi Sayid Mohamad kepada isteri mangsa, Noraida Che Nor, 39.

Beliau turut meluangkan masa selama sejam untuk berbual bersama keluarga arwah dan bertanyakan tentang keperluan dan masalah yang dihadapi setelah pemergian Allahyarham Mohd Diya.

Syed Mohd Fazmi berkata, kedatangan mengunjungi keluarga Allahyarham Mohd Diya bagi menyampaikan takziah Perdana Menteri di atas insiden yang berlaku.

"Di kesempatan ini juga saya menyampaikan salam takziah daripada Perdana Menteri dan mendoakan supaya keluarga ini terus tabah meneruskan kehidupan mereka."

"Perdana Menteri menyatakan rasa dukacita mengenai insiden yang menimpa Allahyarham Mohd Diya yang terkorban dalam

operasi menyelamat semalam," katanya ketika ditemui di sini.

Beliau berkata, Jabatan Bomba dan Penyelamat selaku majikan Allahyarham Mohd Diya telah diminta mengambil tindakan sewajarnya terutama dari aspek penjagaan kebajikan serta mengurusan urusan pengebumian dari awal hingga selesai.

"Pihak Jabatan Bomba juga memaklumkan telah mengambil inisiatif dan bentuk bantuan dari segi kebajikan, tanggungan anak-anak arwah akan diselesaikan demi memastikan hal ehwal mereka terjaga."

"Pada masa yang sama, pihak majikan juga akan menguruskan soal pencen dan grauti arwah," katanya.

Menurut Syed Mohd Fazmi, syarikat Ranthill Berhad telah mengambil inisiatif untuk mengambil empat anak Allahyarham berusia sembilan hingga 18 tahun sebagai anak angkat bagi membantu menjaga kebajikan pendidikan mereka sehingga dewasa kelak.

Puan Noraida juga beritahu anak sulungnya yang berusia 18 tahun sangat meminati bidang automatik dan berhasrat menyambung pengajian di kolej vokasional.

"Oleh itu, kita akan cuba bantu menempatkan anak beliau di mana-mana kolej vokasional yang sesuai nanti," katanya.



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (dua kiri) bertanya sesuatu kepada salah sorang mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Durian Tunggal, pada 21 Okt lepas. Turut mengiringi beliau, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Kamel Mohamad.

Majlis Pemulihan Negeri perlu ditubuhkan segera - Muhyiddin

BANDA HILIR - Setiap negeri perlu mempercepatkan penubuhan Majlis Pemulihan Negeri bagi membantu proses pemulihan negera dalam pasca COVID-19.

Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN) Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, perkara itu penting sebagai perantara antara peringkat negeri dan persekutuan bagi melancarkan proses inisiatif yang bakal direncana.

"Kerajaan bersetuju menubuhkan Majlis Pemulihan Negeri dan ini boleh membantu percepatkan proses pemulihan negara."

"Apa yang dikatakan dari kabinet, nanti akan ada arahan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri kepada kerajaan negeri untuk menubuhkannya dalam tempoh segera."

"Namun dalam perkara dibangkitkan, ia ada kaitan soal kuasa negeri, PBT (pihak ber-

kuasa tempatan) dan bukan kuasa persekutuan sahaja, jadi untuk percepatkannya diharapkan kerajaan negeri akan menubuhkan majlis ini bagipermudahkan usaha pemulihannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemerhati selepas program sesi dialog bersama penggiat sektor ekonomi dan sosial di sebuah hotel di sini, pada 21 Okt lalu.

Hadir sama, Pengurus Perikatan Nasional (PN) Melaka, Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen.

Sementara itu, Melaka merupakan negeri kedua selepas Langkawi dalam jelajah program sesi dialog tersebut, bagi membincangkan bersama pengusaha sektor terlibat mengenai langkah memulihkan ekonomi negera di kala pasca COVID-19.



SYED Mohd Fazmi (kiri) menyerahkan sumbangan kepada Noraida (tiga kanan) sambil diperhatikan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka Abu Bakar Katain (kanan) ketika menziarahi keluarga Allahyarham di Taman Krubong Jaya, pada 22 Okt lepas.

Program pidato Piala Pusingan TYT bakal jadi acara tahunan

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Pertandingan Pidato Rukun Negara Piala Pusingan Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka, bakal direkodkan sebagai acara tahunan dalam kalender aktiviti negeri ini.

Pertandingan itu sekali gus dapat menggalakkan rakyat Malaysia terutama generasi muda menghayati Rukun Negara.

Pengarah program, Prof Datuk Dr Baharudin Puteh berkata, acara itu julung kali diadakan secara maya dengan mendapat sambutan menggalakkan daripada peserta dari luar Melaka termasuk Sabah dan Sarawak.

Katanya, idea yang dicetuskan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam serta sambutan luar biasa itu bakal menjadikan pertandingan berkenaan sebagai acara tahunan kerajaan negeri bermula tahun hadapan.

"Insha-Allah, kita akan mulakan lebih awal bermula pada bulan lima (Mei) dan pertandingan akhir dilaksanakan pada bulan Ogos ketika negera sambut kemerdekaan tahun hadapan."

"Ini satu perancangan dan hasil dari pada pertandingan tahun ini, jangkaan yang kita lihat ramai terlibat dan penglibatan amat memberangsangkan

"Ia akan dijadikan sebagai agenda tahunan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) serta akan bekerjasama dengan pejabat Istana Melaka dan Jabatan Pendidikan Melaka (JPM)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian hadiah Pertandingan Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan, Piala Pusingan TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka di Dewan Seri Utama di sini, pada 21 Okt lepas.

Penyampaian hadiah disampaikan sendiri Tun Seri Setia Mohd Ali, sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Kamel Mohamad.

Hadir sama, Exco Perpaduan, Hubungan Masyarakat, Tenaga Kerja

dan Hal Ehwal Pengguna negeri Datuk Wira Ar Ismail Othman.

Mengulas lanjut, Baharudin berkata, meskipun berdepan dengan cabaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 yang tidak membenarkan program dianjurkan secara bersemuka, namun pertandingan itu mendapat sambutan menggalakkan daripada 970 peserta di seluruh negara.

"Kita rasa kaedah secara atas talian ini satu kaedah menarik untuk menyedarkan rakyat Malaysia tentang pentingnya rukun negara dan inilah satu wadah yang boleh kita uaraukan bagi menyemarakkan erti sejarah rukun negara," ujarnya.



BAHARUDIN

Bertutur dalam Bahasa Melayu **resep** kejayaan P Selvi

AYER KEROH – Amalan sentiasa bertutur dalam Bahasa Melayu menjadi antara resepi seorang suri rumah berbangsa India merangkul johan dalam Pertandingan Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan.

P Selvi, 46 yang meraih tempat pertama dalam kategori bukan Melayu pertandingan pidato Piala Pusing Tuan Yang Terutama (TYT), Yang di-Pertua Negeri Melaka melaahirkan rasa terkejut kerana tidak menyangka memenangi kategori itu berikutan semua pesaingnya agak hebat.

Katanya, sejak dibangku sekolah dia sentiasa menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi harian hingga berjaya menguasai Bahasa Kebangsaan itu dengan baik.

"Saya mempunyai ramai kawan Melayu, malah bangsa lain juga Cina dan India, jadi-ban-ban bahasa pertama kami adalah Bahasa Melayu.

"Dalam masa sama, saya tidak lupukan pengaruh media termasuk televisyen kerana dengan menonton rancangan berbahasa Melayu, secara tidak langsung saya menguasai bahasa itu."

"Bak kata pepatah, di mana adakemahan di situ ada jalan, jadi untuk menguasai bahasa kebang-



P Selvi



ABD Malik

saan, kita perlu terima dengan se-penuh hati dahulu, baru kita boleh menerima ilmu itu dengan baik dan kemudian barulah kita usahakan cara untuk menguasai bahasa itu sendiri," katanya.

Dia berkata demikian selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan pidato berkenaan di Dewan Seri Utama Pejabat TYT di sini, 22 Okt lepas.

Terdahulu, Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan itu disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Kamel Mohamad.

Sementara itu, pemidato terbaik yang juga johan bagi kategori awam, Abd Malik Mohammad Shah, 54 yang berkhidmat sebagai guru Bahasa Melayu berkata minatnya terhadap pengucapan awam bermula mula berkecimpung dalam dunia sajak.

"Sejujurnya ketika dimaklumkan saya berjaya mendapat tempat dalam pusingan akhir, saya agak terkejut kerana saingan agak sentig."

"Saya tidak nampak di mana kekuatan saya namun disebabkan semangat juang yang tinggi, saya bersyukur akhirnya dinobatkan sebagai johan," katanya.

Pembinaan masjid di Pulau Besar Dijangka bermula tahun hadapan

BUKIT PALAH – Pembinaan sebuah masjid di Pulau Besar yang menelan kos pembinaan hampir RM30 juta dijangka bermula tahun hadapan.

Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Datuk Che Sukri Che Mat berkata, kos pembinaan masjid berkenaan bukan sahaja melibatkan dana daripada kerajaan Persekutuan malah turut mendapat sumbangan daripada pelbagai agensi.

Berikut itu, katanya JAIM menerusi agensinya, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melancarkan Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar bagi merealisasikan pembinaan berkenaan.

"Setakat ini perkara itu masih dalam peringkat mesyuarat awal lagi. Insha-Allah pembinaannya mungkin awal tahun hadapan sebaik sahaja mendapat kelulusan peruntukan daripada kerajaan Persekutuan.



CHE Sukri

"Jumlah (kos) dicadangkan hampir RM30 juta termasuk pembangunan dan dataran serta kos kecerian masjid berkenaan..

"Setakat hari ini (19 Okt), jumlah sumbangan yang diterima menerusi saham wakaf berkenaan adalah hampir RM200,000," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Anugerah Khas Maulidur Rasul sempena Sambutan Maulidur Rasul di Masjid Al-Azim di sini pada 19 Okt lepas.

Mengulas lanjut, Che Sukri berkata pembinaan masjid berkenaan bukan sahaja menjadi bangunan yang mampu membungkran syiar Islam malah menjadi tumpuan pelancong di dalam mahupun luar negara.

"Reka bentuk seperti cangkerang di-jangka akan menjadi tarikan bukan setakat di Asia malah di dunia kerana Melaka di sini segalanya bermula."

"Masjid berkenaan juga dijangka mampu memuatkan kira-kira 1,500 jemaah," katanya.

MOF sokong wujud taman laut di Melaka

Liana Sahabudin

UMBAI – Kerajaan Persekutuan akan memberi sokongan mewujudkan taman laut di Melaka bagi mempelbagaikan sektor ekonomi di negeri ini.

Timbalan Menteri Kewangan I, Mohd Shahar Abdullah berkata, ia sekali gus menjadikan Melaka taman laut yang pertama di Selatan Pantai Barat selain mempunyai akses yang mudah.

"Taman laut ini majoritinya banyak di kawasan Pantai Timur, ini merupakan satu usaha kerajaan Negeri Melaka yang sudah pasti Kerajaan Persekutuan akan memberi sokongan mewujudkan sebuah taman laut di Melaka."

"Sudah pasti taman laut ini akan menjadi taman laut yang pertama di Selatan Pantai barat kita dengan akses yang agak mudah."

"Saya yakin ini akan meningkatkan hasil kepada negeri Melaka selain memakmurkan masyarakat di kawasan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Jelajah Bajet 2022 Melaka di Jeti Pernu di sini, pada 21 Okt lepas.

Jelasnya, langkah pembaharuan itu termasuk di bawah strategi fokus Bajet 2022 untuk mewujudkan satu hala tuju baharu dalam ekonomi.

"Melakaterkenal dengan pelan-

congan darat seperti A'Famosa, Asahan Waterfaall dan pelbagai sumbernya, tetapi bila dalam keadaan di bawah fasa pembaharuan, kita nak tumpukan kepada benda baharu."

"Kerajaan Persekutuan di bawah MoF kita nak lihat apakah jangkaan impak yang berlaku sekiranya dapat melaksanakan usaha ini nanti," katanya.



SHAHAR melihat kawasan Jeti Umbai ketika melakukan Jelajah Bajet 2022 Melaka pada 21 Okt lepas.



MOHD Ali (empat dari kanan) menyempurnakan gimik perasmian Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka 2021 di Auditorium Masjid Al Azim sambil disaksikan Sulaiman (tiga dari kiri) pada 19 Okt lepas.

Anugerah Tokoh Khas Maulidur Rasul Rahimin, Sharul Lalli antara tokoh terima anugerah khas

BUKIT PALAH – Bekas Ketua Pengkuasa Agama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), Datuk Rahimin Bani antara sembilan individu yang menerima Anugerah Tokoh Khas sempena Sambutan Maulidur Rasul di peringkat negeri di sini hari ini.

Semua anugerah berkenaan disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Rahimin menerima Tokoh Muhammad Al-Fateh dalam acara Majlis Anugerah Khas Maulidur Rasul di Auditorium Masjid Al-Azim, di sini, pada 19 Okt lepas.

Beliau yang kini menjawat jawatan Pegawai Tugas-tugas Khas Agama JAIM berkata, penganugerahan itu memberikan

motivasi kepada dirinya untuk terus memberikan khidmat dan bakti terhadap membangunkan agama Islam di negeri dan negara ini.

“Harapan saya kepada masyarakat Islam, marilah kita bersatu-padu bagi memperkuatkan saf kepimpinan, merapatkan hubungan persaudaraan sebagai satu Keluarga Malaysia, selaras dengan tuntutan agama.

“Dalam suasana hari ini, kita perlu bersama-sama dengan pihak berkuasa bagi menangani jangkitan wabak COVID-19,” katanya yang ditemui dalam majlis berkenaan.

Dalam pada itu, turut menerima anugerah bagi Tokoh Umar Abdul Aziz, bekas Timbalan Ketua Polis Melaka, Datuk Sharul Lalli Masduki.

Sharul yang kini menjawat jawatan Timbalan Ketua Polis Selangor berkata, Al-Quran dan sunnah Nabi menjadi pegangan dalam dirinya ketika menjalankan tugas sebagai penjawat awam.

“Insha-Allah apa juga yang kita lakukan itu perlu dilaksanakan dalam penuh keikhlasan, selain melaksanakan tugas dengan suci hati dan fokus terhadap tanggungjawab yang diamanahkan.

“Di mana juar kita berada sama ada duduk di bawah mahupun di atas, masing-masing mempunyai peranan namun saling berkait, itulah yang menjadi pegangan kepada kita,” katanya.

Program berkenaan bertemakan Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti itu, diadakan dalam suasana norma baharu, dengan dihadiri kira-kira 200 tetamu.

PPV Melaka tutup awal Nov depan

Fiqah Jamal

AYER MOLEK – Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Melaka dijangka akan ditutup sepenuhnya pada 2 Nov depan.

Exco Kesihatan dan Antidadah negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, setakat ini hanya tiga PPV yang masih beroperasi iaitu, PPV Encore, Klebang; PPV Dewan Haji Ahmad Ihsin dan PPV Dewan MPJ Seri Umbai.

Katanya, PPV di Dewan Haji Ahmad Ihsin dan Dewan MPJ Seri Umbai akan ditutup pada 27 Okt dan hanya PPV Encore, Klebang sahaja beroperasi sehingga 2 Nov.

“Populasi vaksinasi dewasa di Melaka telah mencapai lebih 92.4 peratus bagi dos pertama manakala bagi dos kedua telah mencapai 91.3 peratus, jadi kita pun perlahan-lahan menutup PPV.



RAHMAD

“Cuma yang masih tinggal sekarang adalah dalam kalangan pelajar sekolah terdiri dari remaja yg berumur 12 ke 17 tahun yang masih lagi belum selesai dos kedua dan ianya akan dijalankan di sekolah-sekolah menerusi Movak (mobil vaksinasi),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Molek, pada 22 Okt lepas.

Mengulas lanjut, mengenai pemberian suntikan vaksin penggalak (booster), buat masa ini masih belum dilaksana di Melaka.

Namun menurut Rahmad, jika suntikan tambahan itu mula dilaksana kelak di negeri ini, Kerajaan Melaka akan berbincang bagi menyediakan tempat khas untuk proses pemberian suntikan tersebut.



'Gendang' PRN sudah dipalu

TARIKH Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka sudahpun dimuktamadkan iaitu pada 20 Nov depan. Jika tidak ada aral, itulah tarikh rasmiya.



PILIHAN RAYA NEGERI MELAKA 2021

Bagi pengundi berdaftar khususnya di luar Melaka sudah boleh merancang cuti dan sebagainya untuk pulang mengundi kelak.

Selepas apa berlaku iaitu ketidakstabilan politik pusat dan negeri dalam tempoh lebih tiga tahun selepas PRU-14, Mat yakin rakyat mengambil ikutir.

Pendek kata, memilih wakil rakyat di peringkat negeri mahupun pusat jangan diambil mudah dan perlu rasional.

Kepada parti politik, pemimpin mahupun penyokong tegar, dalam kegairahan merencana strategi kempen dan sebagainya, berpada-pada!

Ayah jadikan PRN Melaka, contoh untuk PRU-15 termasuk soal kempen dan SOP terbaik.

Dak Mat: Lahir di Perak, mengundi di Selangor.

Jasa anggota bomba tidak ternilai

KEMATIAN anggota bomba PBK II (KUP) Mohd Diya Bin Che Jusoh ketika cuba membantu mangsa banjir di Kampung Sungai Putat, Ayer Keroh pada petang Rabu lalu cukup mendukacitakan.

Mat mengikuti insiden itu menerusi kumpulan WhatsApp JBPM Melaka sebelum mendapat berita puji bahawa arwah pergi menghadap Ilahi pada 22 Okt lepas ketika dirawat di Hospital Melaka.

Buat ahli keluarga arwah, semoga mereka tabah serta cekal menghadapi kehilangan itu.

Jasa dan keberanian arwah akan dikenang sampai bila-bila. Bagi Mat jasa Mohd Diya selayaknya menerima penghormatan daripada kerajaan.

Hakikatnya, kejadian berlaku menuntut kepekaan tertinggi dalam soal keselamatan anggota penyelamat ketika melakukan tugas menyelamat bagi mengelak sebarang musibah.

Dak Mat: Takziah kepada ahli keluarga Allahyarham.

Waspada bencana banjir

BENCANA banjir pada semalam antara yang terburuk dialami di negeri ini.

Mengikut statistik Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Melaka, seramai 861 penduduk membabitkan 231 keluarga terkenan dipindahkan ke 10 pusat pemindahan sementara (PPS).


Pejabat tempat Mat bekerja juga tidak ketinggalan dinaiki air hingga ke siar kaki. Mujur tidak membabitkan kerrosakan peralatan pejabat.

Mat cuma nak kata, dalam keadaan cuaca tidak menentu kini, bukan saja pasukan penyelamat malah masyarakat juga perlu sentiasa berwaspadा.

Pastikan anak-anak tidak bermain air bah bagi mengelak kejadian lemas dan sebagainya.

Penduduk juga perlu akur arahan pihak berkuasa jika disaran berpindah ke PPS.

Kita kena selamatkan nyawa dahulu sebelum harta benda.



Dak Mat: Sediakan payung sebelum hujan.

88 peratus murid divaksin di Melaka

Faiz Hasan

BATU BERENDAM - Sebanyak 88 peratus daripada 86,500 murid berusia antara 12 hingga 17 tahun di negeri ini telah menerima sekurang-kurangnya suntikan dos pertama vaksin COVID-19.

Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Melaka, Mohd Nasrul Menhat berkata, daripadajumlah itu 16 peratus murid direkodkan berjaya melengkapkan dua dos vaksin menerusi pelbagai program dijalankan termasuk Mobилиsasi Vaksin Komuniti (MOVAK).

Menurutnya, pihaknya akan sentiasa bekerjasama

“ Pelbagai persediaan juga akan dilaksanakan sebelum berdepan kesukaran murid sekolah rendah yang akan mengikuti pembelajaran bersama pada 1 November nanti. ”

dengan Kementerian Pendidikan (KPM) serta pelbagai agensi lain bagi memperluas usaha vaksinasi terhadap murid sekolah.

"Mengikut kesiapsiagaan kita, MKN komited bagi bekerjasama dalam memperluas

vaksinasi dalam kalangan murid.

"Pelbagai persediaan juga akan dilaksanakan sebelum berdepan kesukaran murid sekolah rendah yang akan mengikuti pembelajaran bersama pada 1 November

nanti," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengagihkan pelitup muka dan kit keselamatan COVID-19 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munshi Abdullah, pada 18 Okt lepas.

Hadir sama, Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPKK) Asisten Komisioner Mohd Hedzir Hussin.

Sementara itu, Mohd Hedzir berkata, pihaknya akan memberi tumpuan kepada pencegahan jenayah berlaku terhadap warga sekolah terutama pelajar.

"Kempen pencegahan akan dilaksanakan bagi memberi kesedaran berterusan kepada semua pelajar.

"Malah, kita juga akan menerapkan perlaksanaan prosedur operasi standard (SOP) baharu terutama dalam pembelajaran di sekolah," katanya.



NASRUL

Tabung Amanah Warisan Polis Kebajikan pesara polis dijaga

KESIDANG — Sebanyak RM3.25 juta telah diagharkan menerusi Tabung Amanah Warisan Polis (TAWP) bagi membantu kebajikan pesara polis di seluruh negara.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, setakat ini pihaknya menerima 1,635 permohonan daripada lebih 42,000 pesara polis di seluruh negara.

Katanya, terdapat lima bantuan di bawah TAWP iaitu iaitu khairat kematian, bantuan pergerakan, perubatan seperti anggota palsu, pendidikan dan bencala.

"Sebanyak 1,635 permohonan telah diperolehi dan bayaran yang telah dibuat menerusi tabung berkenaan

adalah sebanyak RM3,251,628.

"Menerusi TAWP, sebanyak lima kategori bantuan iaitu, bantuan penguruan jenazah sehingga RM1,500, bantuan pergerakan sehingga RM1,000 dan bantuan perubatan bagi anggota palsu maksimum 5,000.

"Manakala bagi bantuan pendidikan, bantuan diberikan sehingga RM3,000 dan bantuan

Mohd Ali, Timbalannya, Datuk Razali Abu Samah dan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad.

Mengulas lanjut, Mazlan berkata, meskipun TAWP telah diwujudkan sejak tahun 1992, namun masih ramai pesara polis yang tidak mengetahui manfaat tabung berkenaan.

"Bagaimanapun masih ada yang belum membuat permohonan, jadi kita uar-uarkan supaya mereka maklum mengenai bantuan mengikut lima kategori tersebut.

"Bagi kontinen Melaka, kita ada seramai 1,200 pesara polis, jadi kita mahu uar-uarkan supaya kebajikan mereka ini terjaga," katanya.

"Manakala bagi bantuan pendidikan, bantuan diberikan sehingga RM3,000 dan bantuan

bencala



MAZLAN (tengah) beramah mesra dengan Pegawai Turus KDNKA negeri, Deputi Superintendant Nik Ab Halim (kanan).

Aktiviti trek 10,000 langkah akan diperluaskan



SHAMSUDIN (tiga kiri) melancarkan program Trek 10,000 sempena Hari Sukan Negara di Kompleks Seri Negeri pada 22 Okt lepas.

SERI NEGERI - Kira-kira 350 warga Jabatan Ketua Menteri menyertai Majlis Pelancaran Trek 10,000 sempena Hari Sukan Negara di Kompleks Seri Negeri, pada 22 Okt lepas.

Menerusi program berkenaan, pelbagai aktiviti dilakukan antaranya melakukan senaman zumba dan berjalan mengelilingi Kompleks Seri Negeri sebanyak empat pusingan sejauh kira-kira 6.4 kilometer.

Ketua Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK), Jabatan Ketua Menteri, Datuk Shamsudin Sharif berkata, program berkenaan merupakan permulaan kepada warga

jabatan untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan penjawat awam.

Katanya, menerusi program terbabit, warga Jabatan Ketua Menteri akan berjalan mengelilingi Kompleks Seri Negeri sebanyak empat pusingan sejauh kira-kira 6.4 kilometer.

"Menerusi empat pusingan itu, warga Jabatan Ketua Menteri mampu melaksanakan 10,000 langkah sekali guna membakar kalori dalam badan," katanya kepada MHI selepas melancarkan program berkenaan.

Terdahulu, beliau mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Kamel Mohamad

menyempurnakan program terbabit dengan dihadiri kira-kira 350 penjawat awam dari jabatan berkenaan.

Mengulas lanjut, Shamsudin berkata, program seumpama itu akan diperluaskan kepada jabatan dan agensi kerajaan negeri yang lain dalam usaha menyemarakkan amalan hidup sihat dalam kalangan rakyat.

"Program yang sihat ini semestinya akan diperluaskan ke agensi atau jabatan kerajaan negeri yang lain, serta badan berkanun (GLC) di peringkat negeri untuk sama-sama mengimarahkan aktiviti sihat ini," katanya.

MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondaim87@
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor76ridawan@gmail.com

JURUFOKANO
AZREN JAMILUDIN
m_azren86@gmail.com

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
tzraihaidz363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHADIZIR
khaldizir@melakaharlini.my

MELAKATV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashalayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN

MOHAMAD FARIS HAikal
farishhalik.zakaria@
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZALANI
aufaizzat98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my

Ketabahan sang isteri

Farah Suhaidah Othman

KESIDANG - Ingatan merosot dan adakala suami bertindak agresif akibat diserang penyakit dimentia secara tiba-tiba sejak lima tahun lalu.

Itu antara cabaran dihadapi suri rumah, Rosilah Ali, 55, dalam menjaga suaminya, Romainor Sulaiman, 69, pesarapolis, kini terlantar sakit di rumah.

Malah, katanya dia pernah hampir membuat laporan polis disebabkan tidak tahan dengan sikap

suaminya yang berubah menjadi seperti kebudak-budakan dan agresif jika ditegur.

"Dia (suami) mula diserang penyakit itu pada 2016 dan ketika itu saya tidak perasan sakit dihidapinya, namun dia sering menunjukkan tanda hilang ingatan, terutama lupa jalan pulang ke rumah selain sering melanggar kereta orang dan mengamuk."

"Saya bawa dia menjalani rawatan di hospital dan terkejut apabila doktor memaklumkan urat sarafnya

banyak sudah mati kerana sebelum ini dia tidak pernah kemalangan atau terhantuk," katanya.

Rosilah berkata, dia sekeluarga reda dengan ketentuan Ilahi, namun mengakui berdepan tekanan dan sering menangis memikirkan nasib suami yang juga pesara berpangkat koperal.

"Dua tiga tahun lepas suami agak agresif. Jika tegur sedikit ditolaknya saya, mengamuk tidak tentu hala jika mahu dipakaikan baju hingga saya hampir ingin membuat laporan polis."

"Kesihatannya kini semakin merosot selain tidak mampu berjalan dan kini suami terpaksa dijaga seperti bayi," katanya ditemui ketika lawatan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim yang turut menyampaikan bakul makanan.

Turut serta dalam lawatan itu, Ketua Polis Melaka, Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali dan timbalannya, Datuk Razali Abu Samah di kediamannya di Taman Bukit Katil, dekat sini.

Terdahulu, Mazlan dan rombongannya turut melawat seorang bala, Siti Hazira Hassan, 34, dan anaknya, Hayla Ishqeena berusia dua tahun bagi menyampaikan bakul makanan.

Siti Hazira kehilangan suami,



ROSILAH (kiri) tabah menjaga suaminya, Romainor (kanan) yang terlantar sakit akibat diserang penyakit dimentia secara tiba-tiba sejak lima tahun lalu.

Koperal Mohd Zaini Mahat, 34, akibat kemalangan jalan raya ketika bertugas pada 5 Julai tahun lalu.

"Saya mengetahui arwah suami yang ketika itu bertugas di Unit Cegah Jenayah Balai Polis Tengker terbabit kemalangan daripada jiran.

"Ketika itu suami menjalankan tugas konvoi bagi menyambut kehadiran ketua balai yang baharu dan terbabit kemalangan maut dengan lori di Jalan Brisu (Alor Gajah)," katanya ditemui di rumahnya di Taman Limbongan Permai, dekat sini, hari ini.

Katanya, biarpun amat tertekan dengan kejadian itu, dia bertekad untuk membesarkan anak, Hayla Ishqeena yang baru berusia lapan bulan ketika itu.

Siti Hazira berkata dia bangkit meneruskan hidup dengan sokongan keluarga dan kini aktif menjalankan perniagaan astalian.

"Alhamdulillah, saya bersyukur dan terharu kerana masih ada insan terutama timbalan Ketua Polis Negara yang sudi hadir bertanya khabar dan menghulurkan bantuan," katanya.



MAZLAN (kanan) ketika melawat Hazira (kiri) yang kehilangan suami akibat kemalangan jalan raya ketika bertugas pada 5 Julai tahun lalu.



TAMAN BUKIT CHENG

RUMAH TERES 2 TINGKAT DI BANDAR MELAKA

dengan hanya **RM 4xxK**



HAK MILIK KEKAL

24 JAM SEKURITI

Waze Location:

Taman Bukit Cheng, Malacca

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

017-260 9003

*T&C Applies

Sri Pengkalan Binaan Sdn. Bhd.
17 A&B, Plaza Seri Kubu,
Jalan Tan Chay Yan,
75300 Melaka.
www.spb.my

SPB
SINCE 1981

Melaka destinasi pilihan pelancong

Norizan Muhib

BANDA HILIR – Kebenaran rentas negeri dimanfaatkan sepenuhnya pelancong tempatan dan warga asing yang mula membanjiri kawasan tumpuan pelancong di negeri ini sejak 15 Okt lalu.

Antara mereka yang tidak melepaskan peluang berkunjung ke negeri ini ialah pelancong dari England, Kelly McLaren, 23.

Dia yang ditemui bercuti bersama rakananya, Sarah Hewitt, 23, sedang bersiar-siar di sekitar Bangunan Stadthuys sebelum pulang semula ke Kuala Lumpur.

Katanya, kunjungannya ke Melaka bermula Jumaat lalu adalah yang pertama sejak menetap di negara ini kira-kira empat tahun lalu.

“Sebenarnya, saya sudah lama berhasrat mengunjungi Melaka,



KELLY

namun disebabkan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hampir setahun lebih, maka saya lupukan semestinya keinginan tersebut.

“Tetapi setelah dibenarkan rantas negeri Isnin lalu, saya dan Sarah ambil keputusan untuk ke Melaka dan semua cerita menarik

tentang Melaka yang saya pernah dengar sebelum ini daripada rakan ternyata benar,” katanya yang bercadang ke Melaka semula pada masa depan.

Pasangan pengantin baharu dari Pelabuhan Klang, Selangor, Muhammad Alif Nair, 28, dan isterinya, Nurul Amaliah, 27, berkata, mereka merancang berbulan madu di Melaka sebaik sahaja kebenaran rentas negeri.

Menurut Muhammad Alif, dia gemar bercuti di Melaka kerana selain kedudukannya dekat dengan Selangor dan Kuala Lumpur, negeri ini menyediakan pelbagai kemudahan keseronokan kepada pengunjung.

“Bagi saya, semuanya ada di Melaka, mudah akses dan banyak destinasi yang menarik untuk kami kunjungi,” katanya.

Bagi Nurul Amaliah, bercuti ke

Melaka amat berbaloi kerana selain dapat berseronok, kunjungan mereka juga tidak terganggu misalkan disebabkan kesesakan kenderaan yang pernah dialami sebelum ini.

Pasangan sahabat dari Jalan Klang Lama, Nurleeza Muhammad, 27, dan Faliess Khairul, 27, cuma



NURLEEZA

bercadang mengunjungi beberapa tempat pelancongan menarik di negeri bersejarah ini.

“Kami tiba pagi tadi (17 Okt) dan Alhamdulillah, lebuh raya masih lengang dan kami dapat beberapa tempat pelancongan di Banda Hilir juga tidak ramai orang seperti kebiasaannya,” kata Nurleeza.

Menurut Faliess, dia berharap orang ramai tetap mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa biarpun banyak tempat perniagaan sudah dibenarkan beroperasi.

“Semasa dalam perjalanan tadi, kereta tidak banyak dan tidak ada kesesakan melampau, kami sampai sini jalan-jalan sekitar Bangunan Stadthuys, melawat muzium dan mungkin selepas ini menjamu selera masakan popular orang Melaka, asam pedas sebelum balik malam nanti (17 Okt),” katanya.

LPM peruntuk hampir RM270,000 jayakan program CSR

Liana Sahabudin



MOHD Salleh

AYER KEROH – Lemba Perumahan Melaka (LPM) memperuntukkan RM269,901.63 menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bermula Januari sehingga 15 Oktober lalu.

Pengarah Eksekutif LPM, Mohd Salleh Hamidom berkata, daripada jumlah itu sebanyak RM164,901.63 dipertutukan bagi membaik pulih 16 unit rumah usang terpilih.

“Manakala peruntukan bagi membina tiga unit rumah baru melibatkan kos sebanyak RM105,000.

“Kerja-kerja membaik pulih rumah usang seperti membaiki bumbung, siling rosak, mengelat rumah, mengganti pintu dan tingkap, membaik pulih rumah terbakar dan membina rumah baharu,” katanya kepada MHI.

Katanya, program CSR ini secara tidak langsung memberi bantuan kemasyarakatan dan kebajikan kepada golongan kurang berkemampuan dan memerlukan.

“Bagi pelaksanaan rumah baharu, pembinaan dilaraskan oleh Syarikat LPM Development Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat LPM.

“Kita harap program CSR ini dapat memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah (B40) untuk menjalani kehidupan lebih selesa dan sejahtera,” katanya lagi.

“Kita harap program CSR ini dapat memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah (B40) untuk menjalani kehidupan lebih selesa dan sejahtera,”



PELANGGAN menyerbu gerai belacan dan cencaluk di Batang Tiga, Klebang sejak 15 Okt setelah kebenaran rentas negeri bermula 11 Okt lepas.

Gerai jual belacan, cencaluk diserbu

KLEBANG - Jika dibandingkan hampir setahun lalu, deretan kedai menjual produk makanan tradisional belacan dan cencaluk di Kampung Pinang dekat Batang Tiga, di sini, kelihatan sunyi sepi tanpa kehadiran pengunjung singkah membeli di situ.

Bagaimanapun, setelah kebenaran rentas negeri bermula Isnin lalu, pemandangan sepi di kawasan itu kini berubah wajah dan kelihatan meriah dengan deretan kenderaan mula ‘menyerbu’ kedai di situ.

Menurut peniaga yang ditemui MHI, mereka mula menerima kunjungan ‘luar biasa’ pembeli sejak 15 Okt dengan kebanyakannya membeli produk belacan, ikan bilis, ikan masin dan cencaluk dalam kuantiti yang agak besar.

Bagi Siti Asiah Jamil, 47, jualan belacan dan cencaluk paling mendapat sambutan dan laris dijual dalam tempoh beberapa jam sahaja.

“Alhamdulillah, kedai saya tidak putus-putus dikunjungi orang ramai sejak semalam (16 Okt) dan saya anggarkan bilangan mereka akan bertambah untuk beberapa hari ini.

“Kalau dulu waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) nak dapat RM10 pun susah tetapi hari ini (17 Okt) sejak sudah adak kebenaran rentas negeri, jualan mampu meriah lebih RM100 sehari,” katanya.

Bagi Lizam Abu Bakar, 45, dia hampir berputus asa untuk meneruskan perniagaan di situ namun selepas diyakinkan oleh isteri, Norasyikin Jantan, 38, makadi kembali bernaiga di situ setelah menutup kedai selama tiga bulan.

“Berkat kesabarannya isteri, kedai kami mulai ‘bernyawa’ semula dan pada hari pertama beroperasi semula pada 15 Okt, kedai kami tidak putus-putus dikunjungi pelanggan.

“Saya agak tidak percaya apabila melihat satu demikian kenderaan berhenti di tepi jalan untuk singkah di kedai kami.

“Malah, ada pelanggan yang membeli borong sehingga dua dozen cencaluk untuk dibawa balik ke Kuala Lumpur,” katanya yang sudah 20 tahun bernaiga di situ.

Pada masa yang sama, menurut Norasyikin, dia merasanya kerana perniagaan cencaluk dan belacan yang diusahakan bersama suami kini sudah mula kembali mendapat sambutan.

“Tempoh setahun lalu agak perit sebab tiada pelanggan langsung.

“Kami sudah cuba menjual atas talian namun sambutannya agak perlahan dan tidak sama menjual di kedsai,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, berkat kesabarannya mereka dan peniaga lain akhirnya berbaloi apabila keadaan kini semakin pulih dengan Melaka kini mulai dibanjiri pelancong tempatan dan dari negeri lain.

MIMBAR MAIM



"Be n ar b e na r s a n g a t b e n u n t u n g o r a n g - o r a n g y a n g m e m b e r i s h k a n d i i d e n g a n b e n i m a n d a n s e n t i s a s a b e r z i k i r m e n y e b u t n a m a T u h a n n y a s e r t a m e n g e r a k a n s e m b a h y a n g ." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"De mi se sungguhnya ! Kami akan mengujikamu dengan sedikit ketakutan, ke lataran, dan kekurangan dari harita bendesa serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berlah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Jaga dan nikmati kesihatan sebaiknya

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

ANTARA kekuatan yang kita semua rasakan dalam hidup ini pastinya apabila dikurnia-kan kesihatan yang baik.

Bagi orang yang diuji dengan masalah kesakitan, sudah pasti tubuh badan mereka lemah, kurang selera makan, malah untuk menguntum senyuman juga akan terasa berat.

Islam menyarankan umatnya sentiasa menjaga tubuh badan serta mengamalkan ca-

ra hidup yang sihat berikut kehidupan sihat itu juga adalah satu amanah dalam hubungan manusia dengan Allah SWT.

Mutuara kata daripada ulamaiaitu: "Akal sihat berada pada tubuh badan yang sihat." yang mana ia juga selaras dengan tujuan Islam menyaran-kan umatnya sentiasa memeli-hara agama, akal, jiwa, harta dan keturunan.

Dalam konteks melaksanakan ibadat solat misalnya, semestinya tubuh badan sihat membolehkan seseorang itu

berupa melaksanakan solat yang dituntut dengan lebih sempurna.

Begitu juga dengan ibadat puasa, memerlukan kesihatan yang baik untuk berpuasa sepanjang hari malah ibadat haji juga memerlukan kekuatan fizikal untuk melaksanakan semua rukun haji.

Oleh itu, apabila dikurnia-kan kesihatan yang baik, kita perlu menjaga dan 'memper-sembahkan' setiap ibadat dengan baik malah bukan saja dapat melengkapkan ibadat wajib, perkara yang sunat juga

tidak ditinggalkan.

Jika tidak berusaha ke arah itu, ia merupakan satu kerugian besar kerana kita tidak tahu satu masa nanti kita diuji dengan penyakit dan amalan yang hendak dilaksanakan pastinya tidak sebaik ketika masih sihat.

Benar ada yang mengatakan, manusia akan merasa sesuatu nikmat itu apabila kita kehilangannya kerana terlalu banyak nikmat yang kita peroleh daripada Allah SWT se-

bagai bukti kebesaranNya dan terlalu sedikit manusia mengucapkan rasa syukur.

Firman Allah yang ber-maksud: "Sekiranya kamu menghitung nikmat Allah, tiadalah kamu dapat menghitungnya, Allah Maha Pen-gampun, lagi Maha Menga-sihani." **Surah an-Nahl - ayat 18.**

Pastikan setiap kali selepas solat, jadikan doa yang wajib kita ungkapkan kepada Allah SWT adalah supaya diberikan

kesihatan yang baik.

Hadis Rasulullah SAW ada menyebut "Tidak seorang pun diizinkan bergerak dari-pada kedudukannya pada hari akhirat sehingga dia menjawab bagaimana dia menghabiskan hidupnya, ba-gaimana dia gunakan pengetahuannya, dari mana dia memperoleh dan kemana dia belanjakan hartanya dan ba-gaimana dia gunakan kesihatannya." (*Riwayat Al-Tirmidzi*).





Faedah Senaman BERJALAN

1. Mengurangkan berat badan
2. Menguatkan tulang dan otot
3. Mengurangkan risiko penyakit diabetis
4. Meningkatkan kesihatan jantung
5. Meningkatkan paras hormon endorfin

SUMBER : KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

[facebook/maimmelaka](https://www.facebook.com/maimmelaka) | www.maim.gov.my | [Majlis Agama Islam Melaka](https://www.youtube.com/@maimislammelaka)

LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](https://www.youtube.com/@majlisagamaislammelaka)

Facebook | [facebook/maimmelaka](https://www.facebook.com/maimmelaka)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@aim.gov.my

SAMBUTAN Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka diserikan dengan kehadiran Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam baru-baru ini. Beliau turut merasmikan gimik pelancaran Tabung Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar yang dijangka akan dibina bermula tahun hadapan. Hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Dato' Ts Kamel Mohamad.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyampaikan sumbangan kain putih bagi kegunaan Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya di Hospital Melaka sepanjang tempoh pandemik Covid-19 ini. Turut hadir menerima sumbangan Timbalan Pengarah Perubatan (1), Dr. Sharifah Omar.



MUFTI Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil menerima kunjungan dari wakil Institut Latihan Kesihatan Angkatan Tentera Kem Terendak Melaka ke Jabatan Mufti Negeri Melaka (JMM) baru-baru ini. Perbincangan dua hala turut menyentuh berkaitan fungsi dan peranan JMMN menyebarkan luas syiar Islam di negeri ini.

PROGRAM OPS Sedar dan penerangan berkaitan informasi zakat kepada beberapa premis dan peniaga di sekitar negeri ini.



Satu Amal mencipta Sejuta Manfaat

"Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu **sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya**"

-Hadith Riwayat Muslim



Seksyen Wakaf MAIM
Majlis Agama Islam Melaka, Pusat Islam Melaka,
Bukit Palah, 75400 Melaka

06-283 7416
06-284 9809



Rasulullah SAW bersabda
yang bermaksud :

“ Apabila matinya seorang manusia,
maka terputuslah pahala amalannya
kecuali tiga perkara iaitu
**sedekah jariah,
ilmu yang dimanfaatkan
atau anak yang soleh**
yang sentiasa mendoakannya. ”

Masyarakat Islam yang ingin berwakaf, boleh melayari
iwakaf.maim.gov.my

atau melalui Saham Wakaf Akaun Bank Islam MAIM
04015010017434

Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat



PERBINCANGAN dan serahan borang perwakafan kepada pewakaf yang berminat untuk mewakafkan tanah di atas lot 233, Mukim Bukit Baru bagi tujuan wakaf am demi maslahat umat Islam di negeri ini.



SERAHAN wakaf tunai oleh pewakaf, Maimun Ibrahim bagi pelaksanaan pembinaan masjid baru kariah Klebang Besar serta dana wakaf untuk masjid, surau madrasah sekitar negeri ini.



SUMBANGAN kit makanan kepada asnaf yang uzur, Zamani Saadon di DUN Serkam baru-baru ini. yang telah disampaikan oleh Pegawai Agihan Zakat Cawangan Merlimau, Izhar Rahim.



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE


SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: MATEMATIKJOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270**SUBJEK: MATEMATIK****SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 5****SUKATAN DAN GEOMETRI
MEASUREMENT AND GEOMETRY**

1. Luas lelayang = $\frac{1}{2} \times$ hasil darab panjang dua pepenjuru
Area of kite = $\frac{1}{2} \times$ product of two diagonals
2. Luas trapezium = $\frac{1}{2} \times$ hasil tambah dua sisi selari \times tinggi
Area of trapezium = $\frac{1}{2} \times$ sum of two parallel sides \times height
3. Luas permukaan silinder = $2\pi j^2 + 2\pi jt$
Surface area of cylinder = $2\pi r^2 + 2\pi rh$
4. Luas permukaan kon = $\pi j^2 + \pi js$
Surface area of cone = $\pi r^2 + \pi rs$
5. Luas permukaan sfera = $4\pi j^2$
Surface area of sphere = $4\pi r^2$
6. Isi padu prisma = luas keratan rentas \times tinggi
Volume of prism = area of cross section \times height
7. Isi padu silinder = $\pi j^2 t$
Volume of cylinder = $\pi r^2 h$
8. Isi padu kon = $\frac{1}{3} \pi j^2 t$
Volume of cone = $\frac{1}{3} \pi r^2 h$
9. Isi padu sfera = $\frac{4}{3} \pi j^3$
Volume of sphere = $\frac{4}{3} \pi r^3$
10. Isi padu piramid = $\frac{1}{3} \times$ luas tapak \times tinggi
Volume of pyramid = $\frac{1}{3} \times$ base area \times height

CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1) - MATEMATIK KERTAS 1**BAHAGIAN A**

1. Rajah 1 menunjukkan graf $y = \sin x$.
Diagram 1 shows the graph of $y = \sin x$.




Rajah 1/ Diagram 1


Tentukan nilai k .Identify the value of k .

- A. 225°
B. 270°
C. 315°
D. 360°

2. Antara berikut, yang manakah mewakili graf $y = \cos x$ bagi $90^\circ \leq \theta \leq 270^\circ$?
Which of the following represents the graph of $y = \cos x$ for $90^\circ \leq \theta \leq 270^\circ$?



3. Rajah 2 menunjukkan segi empat sama ABCD. Diberi bahawa E adalah titik tengah bagi CD.

Diagram 2 shows a square ABCD. E is the midpoint of CD.


Rajah 2/ Diagram 2

Cari nilai $\tan x$.Find the value of $\tan x$.

- A. $\frac{1}{2}$
B. $-\frac{1}{2}$
C. 2
D. -2


JAWAPAN

1. Bagi menentukan nilai k , pelajar perlu terlebih dahulu melakarkan graf $y = \sin x$.




Dengan membandingkan graf asal $y = \sin x$ dengan soalan yang diberikan, didapati bahawa $k = 270^\circ$. Maka jawapan yang betul adalah B.

2. Bagi menentukan graf $y = \cos x$ pada julat $90^\circ \leq \theta \leq 270^\circ$, pelajar perlu melakarkan graf tersebut terlebih dahulu.




Menggunakan kaedah perbandingan, maka jawapan yang betul adalah C.

3. Dari gambar rajah yang diberikan. Diberi bahawa segi empat sama ABCD mempunyai sisi 12 cm. Pelajar perlu mengetahui sifat penting segi empat sama iaitu semua sisi adalah sama panjang. Maka, panjang $CD = BD = 12\text{cm}$ dan E adalah titik tengah. Oleh itu, $CE = ED = 12\text{cm} \div 2 = 6\text{cm}$.



Untuk mendapatkan nilai x , pelajar perlu mencari nilai tersebut dari sudut sepadan yang sentiasa berada pada sukuan I ($0^\circ - 90^\circ$)



Menggunakan formula trigonometri,

$$\begin{aligned}\tan x &= \frac{\text{berentangan}}{\text{bersebelahan}} \\ &= \frac{12}{6} \\ &= 2.\end{aligned}$$

Perlu diingat bahawa nilai $\tan x$ yang berada pada sukuan II ($90^\circ - 180^\circ$) adalah sentiasa negatif. Oleh itu, jawapan bagi $\tan x$ adalah bersamaan -2 (D).

'Arwah suka senyum, tidak tegas seperti selalu'

Farah Suhaidah Othman
Foto MR. Azli

PAYA RUMPUT 21 Okt – "Tiada kelakuan pelik ditunjukkan pada hari-hari terakhir arwah, namun anak perempuan beritahu ayahnya sentiasa tersenyum, tidak tegas seperti selalu."

Itu kata Noraida Che Nor, 39, isteri Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh, yang meninggal dunia selepas dilaporkan lemas ketika menyelamat mangsa banjir di Kampung Sungai Putat, pada 20 Okt lalu.

Menurutnya, kali terakhir dia berjumpa suaminya selepas anggota bomba itu selesai menghantar anak kedua mereka berusia 16 tahun menerima vaksin sebelum menyambung tugas kira-kira jam 8.30 pagi 20 Okt lalu.

Ujarnya, dia kemudiannya terkejut sebaik dimaklumkan mengenai kejadian menimpa suaminya, 47 tahun kira-kira jam 6.30 petang oleh kenalannya yang bekerja di Hospital Melaka.

"Saya ingatkan keadaan arwah kritikal yang mampu diselamatkan, namun Allah lebih menyayanginya, apapun saya reda dengan kententuan-Nya."

"Sepanjang menemaninya di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital berkenaan, dia memang tidak sedarkan diri walaupun saya harap sangat dapat bercakap dengannya."

"Bagaimanapun, saya bersyukur dapat menemaninya sehingga arwah menghembuskan nafas terakhir," katanya sebak ketika ditemui di Tanah Perkuburan Islam Kampung Krubong di sini pada 21 Okt lalu.

Noraida yang juga suri rumah berkata, dia dan empat anaknya berusia antara sembilan hingga 18 tahun kini hilang tempat bergantung dan belum memikirkan kelangsungan hidup.

"Tak tahu lah bagaimana kehidupan kami selepas ini sebab anak-anak masih bersekolah," katanya.

Mohd Diya meninggalkan Noraida dan empat anak iaitu, Muhammad Daniel Hakime, 18, Nurul Ain Balqis, 16 dan Muhammad Danish Hakim, 12 serta Nurul Anisa Ilya, 9.

Noraida berkata, arwah yang sudah lebih 20 tahun berkhidmat dalam bomba ba-



NORAIDA (tengah) menyiram air di pusara suaminya.

haru sahaja dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Bomba Kanan II Khas Untuk Penyandang (KUP) dan sempat berkongsi berita gembira itu.

Namun katanya, mereka tidak sempat meraikan bersama-sama berikutan suaminya sibuk bekerja.

Terdahulu, Allahyarham Mohd Diya yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Melaka Tengah disahkan meninggal dunia di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Melaka selepas dilaporkan kritikal ketika menyelamatkan mangsa banjir dalam kejadian pada jam 5.30 petang 20 Okt lalu.

NORAIDA (tengah) sebak ketika jenazah suaminya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Krubong, pada 21 Okt lalu.



Bomba pertimbang kenaikan pangkat Mohd Diya

PAYA RUMPUT – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan mempertimbangkan kenaikan pangkat Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh yang lemas dibawa arus ketika membantu mangsa banjir di Kampung Sungai Putat, pada 20 Okt lalu.

Timbalan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Abdul Wahab berkata, perkara itu bagaimanapun akan diteliti terlebih dahulu memandangkan Allahyarham baharu sahaja dinaikkan pangkat dengan memegang pangkat Pegawai Bomba Kanan II Khas Untuk Penyandang (KUP).

Katanya, Allahyarham yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Melaka tengah merupakan anggota bomba yang berdedikasi tinggi serta mempunyai kemahiran menyelamat di Pasukan Penyelamat di Air

(PPDA) sejak 2006.

"Allahyarham merupakan ahli PPDA sejak 2006 lagi dan semestinya mempunyai pengalaman asas yang cukup luas. Itu (kenaikan pangkat) kita akan pertimbangkan dan beliau sebenarnya baru mendapat KUP 22 yang mana baru sahaja dinaikkan pangkat."

"Jadi kita akan bawa ke peringkat lebih tinggi untuk pertimbangkan dan jika ada ruang, Insha-Allah kita akan buat sebagaimana pada Allahyarham Muhammad Adib sebelum ini," katanya selepas memberi penghormatan terakhir di Tanah Perkuburan Islam Krubong, di sini pada 21 Okt lalu.

Hadir sama, Pengarah Bahagian Operasi JBPM, Datuk Nor Hisham Mohammad dan Pengarah JBPM Melaka Abu Bakar Kaitain.

Mengulas lanjut Abdul Wahab berkata, sebagai mana kes yang melibatkan kematian anggota, pihaknya akan membuka kertas siasatan bagi mengenal pasti punca kejadian selain menambah baik kelemahan pasukan.

"Jabatan akan menubuhkan pasukan siasatan dalaman untuk melihat setiap sudut, sekiranya ada ada kekurangan akan ditambah baik, supaya perkara seumpama ini tidak akan berulang."

"Selepas ini kita akan menyampaikan pendahuluan bantuan awal sebanyak RM3,000 dan juga sumbangan warga bomba serta pelbagai lagi termasuk Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan (TAPPN), jadi anggarannya lebih kurang RM350,000 bagi membantu meringankan kehidupan keluarga," tambahnya.



ABDUL Wahab



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

PEMENANG : The Early Years of the Penang Malay Association

THE founding of the Penang Malay Association (PMA) on the Sunday of 27 March, 1927 was to give support to the Singapura Malays and Eunos Abdullah. The move by the Pulau Pinang Jawi Peranakan was to establish themselves as representatives and leaders of the state's Malay community. This implied that the Tanjong Jawi Peranakan recognized the threat to their position which was made explicit in the definition of 'Malay' adopted by the Singapore Malay Union (KMS).

That day a group of mainly Jawi Peranakan intellectuals and intelligentsia, who had defined themselves as Malays, congregated at the house of Mohmad Ariff Tajuddin located at Hutton Lane (now Jalan Hatin), opposite the mosque. In the early 1970s, the PMA was amended to Persatuan Melayu Pulau Pinang, its acronym PEMENANG.

Helen Fujimoto in writing on the the Jawi Peranakan in Pulau Pinang cites the definition as the outstanding difference between the Pulau Pinang and the Singapura associations. Whereas the KMS, founded in opposition to Arab dominance, refused to admit to membership any other than 'pure Malays' (Melayu jati), the Pulau Pinang association was composed largely of Jawi Peranakan. They adopted a more liberal definition of the 'Malay' as "a person professing the Muslim religion, and habitually speaking the Malay language, of whose parents one at least is a person of Malayan race."

It should be noted that the Arab community in Singapura retained their identity. As such, Fujimoto argues that their social influence in the Muslim community remained strong. Their identity there was separate and distinct. And possessed great wealth.

The background in Pulau Pinang was different. In her 1989 monograph titled *The South Indian Muslim Community and the Evolution of the Jawi Peranakan in Penang up to 1948*, Fujimoto tells us that there was little sign of Malay antagonism toward the Jawi Peranakan in Tanjong. The community appeared to appreciate the social and political necessity of identifying with the Malay community if they were to sustain their position as leaders of that community. Fujimoto notes that in 1901, those identifying themselves as Arabs in Singapura numbered 919, as against 405 in Pulau Pinang, while Singapura Jawi Peranakan numbered 665 as against Pulau Pinang's 5,057.

The expressed objective of the PMA was to act as the mouthpiece of the Malays to the government. They identified three patrons to garner support from the British and Malay establishments and to gain official recognition of the association's status. They were Hugh Clifford, the governor of the Straits Settlements, Sultan Iskandar of Perak, and the regent of Kedah, Tunku Ibrahim. The more specific aim was centred on the improvement of the Malay community's socio-economic status.

"But in the decade ahead, the leadership of the Jawi Peranakan and Arab Peranakan communities were to come under attack from the wider Malay community of the Malay states."

The founding members of the association were English-educated Jawi Peranakans. Significantly, the language of communication, from its inception was Bahasa Melayu. This can be linked to the formation of the Persatuan Jawi Peranakan in Singapura, and subsequently with the newspaper *Jawi Peranakan* in 1876. The consciousness in terms of language represented a public act of identification to a relatively 'new identity' in assimilating themselves as Malays.

Although both Malay and English-educated, Bahasa Melayu was habitually used by many, if not most as reflected in the world of journalism. The move by the founders of the PMA involved political implications, of allegiance to, and identity with the Malay community.

According to Fujimoto, one of the main organizers of the association was Dr. Kamil Ariff, who studied at the King Edward College of Medicine in Singapura. The founding members included Dr. Ali Merican (Ally Osman Merican/AO Merican), considered as Pulau Pinang's first 'Malay' doctor. He retained the presidency for several years even after moving to Kelantan to resume his practice. Dr. Ali Merican was the great-grandson of Kader Mydin Merican, the first Kapitan Keling.

One strength of the association perhaps was the foresight on their role as Malay opposition to Muslims of foreign descent. The association was a strong advocate of the 'Malay' cause having publicly raised the issue on the nomination of Malay representatives in the colonial administration. These triggered the colonial secretary to request for the definition of a 'Malay.' In an interview with Captain Mohamed Nor bin Mohamed, who was then secretary of the Association, Fujimoto was told of the association's assertion for a more liberal definition of 'Malay.' This was accepted by the government. Hence the first Justice of the Peace appointed in 1930-01 was Dr. Kamil Ariff. Earlier in 1929-30, S.A. Alsa-goff was appointed as Municipal Commissioner (as 'Malay' representative); thus confirming acceptance of the broader definition of 'Malay.'

Another issue related by Captain Mohamed Nor concerned the establishment of an area of Georgetown which was to be owned and settled exclusively by Malays. Two years after the formation of the PMA, a memorandum was sent to the government asking for an area to be reserved. The association had requested a grant of \$40,000 which was used to purchase land. In her monograph, Fujimoto erroneously mentions it as 'Kampung Bahru.' That land is in Kampung Melayu, Air Itam.

The advocacy by PMA saw the Pulau Pinang community accepting the leadership of the Jawi Peranakan and that of the Arab Peranakan in public life at a time when Malay resentment against the latter's leadership was growing, particularly in Singapura, and Johor. The PMA focussed more on social rather than overly political issues. They preempted possible attempts by the British authorities to cast doubts and suspicion.

But in the decade ahead, the leadership of the Jawi Peranakan and Arab Peranakan communities were to come under attack from the wider Malay community of the Malay states.

The first office bearers of the Association, according to Fujimoto's account were President, Dr. Ali Merican; first vice president, Mohamed Rouse; second vice-president, S. Mohamed Hashim; third vice president, M.Z. Merican; Treasurer, Mohamed Nina Merican; Auditor, Captain Baba Ahmad; and committee members, among others, C.M. Hashim, M.S. Ariffin, Syed Hashim, Sir Hussein Abdoolcader, Syed Mohamed Aidid, and Syed Saleh Alsa-goff. PEMENANG'S current president is 91-year old Tan Sri Haji Mohd Yussof Latiff, who had held office since 1984.

NEXT WEEK:

Alamat Langkapuri in Sarandib

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.




THE founding members of the PMA pose for a photo at the First General Meeting on 9 May 1927. This photo was taken in front of the Jalan Hatin Mosque, Pulau Pinang.

'Rekidai Hoan' bukti kewujudan Hang Tuah?

SEBUT sahaja nama Hang Tuah, pastinya seluruh Nusantara tahu mengenai kisahnya, apatah lagi di Malaysia.

Digambarkan sebagai Laksamana pada zaman Kesultanan Melayu Melaka suatu ketika dahulu, kisah kehebatan Hang Tuah sangat popular, bahkan ada sesetengah



PENYELIDIKAN lanjut bagi membuktikan kewujudan Hang Tuah amat penting dalam konteks sejarah Melayu amnya.

menganggap ikon bangsa Melayu itu sebagai pahlawan yang gagah tiada tolok bandingnya.



Namun, tahukan anda, sekitar tahun 2015 dahulu, penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menemukan dokumen yang penting dalam membuktikan kewujudan Hang Tuah itu sendiri.

Dua dokumen serta satu artifak di Jepun merupakan antara bukti yang ditemukan dalam kajian tersebut.

Ketua Penerbit UPM, Kamariah Mohd Saidin, berkata dokumen terbabit ialah rekod rasmi, 'Rekidai Hoan', kerajaan Ryukyu, yang kini dikenali sebagai Okinawa dan catatan pengembalaan Alfonso de Albuquerque pada 1774, yang ditemui di Universiti Ryukyu.

Beliau berkata, penemuan keris berluk sembilan tanpa hulu dan sarung yang lazimnya dihadiahkan Kesultanan Melaka kepada kerajaan lain pula dijumpai di Pusat Arkeologi Okinawa.

"Rekidai Hoan mengandungi 19 surat kerajaan Ryukyu kepada Melaka serta 11 surat daripada kerajaan



ANTARA dokumen yang dijumpai penyelidik UPM di Okinawa, Jepun.

Melaka, yang tertera nama Hang Tuah.

"Catatan pengembalaan Alfonso de Albuquerque pula secara jelas menerangkan mengenai Hang Tuah sebagai Laksamana Melaka yang mempunyai ciri pahlawan Melayu seperti handal, taat, berpengertian, berani dan pantang berundur.

"Keris yang dikenal pasti penyelidik UPM di Pusat Arkeologi

Okinawa pula asalnya ditemui di perkarangan Kuil Diraja Enkakuji Ryukyu berhampiran Istana Shuri, sekali gus membuktikan hubungan kukuh terjalin antara Melaka dengan Ryukyu," katanya dalam satu kenyataan di sebuah portal berita pada tahun 2015.

Jelas Kamariah, pembuktian mengenai kewujudan Hang Tuah itu dilakukan oleh dua penyelidik Fakulti Bahasa Moden dan Ko-

munikasi (FBMK) UPM, Prof Emeritus Hashim Musa dan Rohaiyah Kamaruddin di Okinawa, Jepun pada tahun 2014 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Jepun.

Dengan adanya penemuan tersebut, ini dapat memberi bayangan bahawa sudah tiba masanya untuk kita lebih serius mengkaji tentang kewujudan Hang Tuah. Jika bukan kita, siapa lagi?

IKLANEKA



PILIHAN RUANG
PENGIKLANAN
YANG BIJAK!

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936



Serendah
RM50
Sahaja!!



AUTOMOTIF
Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori



HARTANAH
Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah



KERJAYA
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan



KLASIFIKASI AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot



NOTIS
Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



DR. Shankar Gunarasa



TIDAK lama dahulu, jika seseorang pesakit menghidapi barah di tangkal rektum, kebarangkalian besar pesakit tersebut akan mempunyai stoma seumur hidup selepas pembedahan sememangnya tinggi. Tetapi dengan kemajuan teknikal dari segi pembedahan, stoma ini dapat dilakukan dengan pembedahan TAMIS.

TAMIS atau nama penuhnya **Trans-anal Minimally Invasive Surgery** ialah jenis pembedahan laparoscopic yang dilakukan melalui dubur dengan menggunakan peralatan yang khas bagi memudahkan pembedahan. Prosedur TAMIS dilakukan khas untuk barah kecil (T1) kurang dari 3 cms atau barah polip yang berada di tangkal rektum dan bukan di kolon (colon). Barah yang saiznya yang lebih besar atau stage T (saiz barah) lebih dari T1 sememangnya tidak memadai.

Walaupun dari perbincian statistic kanser kolorektal di negara ini yang menunjukkan hampir 45 peratus kanser kolorektal di diagnosis pada tahap 3 dan 4, namun prosedur TAMIS ini sangat memadai bagi segerintir pesakit yang menghidapi barah awal kanser rektum sahaja. Prosedur ini

TAMIS : Kemajuan pembedahan kanser kolorektal yang anda perlu ketahui

akan mengambil masa diantara satu hingga tigajam dan kebaikan pembedahan ini ialah pesakit dibenarkan pulang ke rumah keesokan harinya.

Apakah prosedur sebelum pesakit layak untuk menjalani pembedahan TAMISini?

Pesakit sebelum itu perlu menjalani ujian diagnostic seperti

1) Kolonoskopi / Sigmoidoscopy

Prosedur ini dijalankan untuk memastikan barah di tangkal rektum dan posisinya, mengambil tisu biopsy untuk komfermisasi barah dan memastikan tiada lagi barah synchronous (sama) di bahagian usus yang lain.

2) MRI Plevis

Ini untuk memastikan yang "akar" barah kecil di rektum tersebut adalah di tahap T1 (tahap submukosa). Sekiranya lebih dari T1, kebarangkalian untuk kesan barah merebak ke lymph node sememangnya ada dan jika ini berlaku, prosedur TAMIS tidaklah sesuai untuk pesakit tersebut. Golongan pesakit ini lebih sesuai untuk pembedahan "complete resection" dari segi laparoskopik abdomen ataupun laparotomi

3) Endorectal Ultrasound


Bagi pakar bedah kolorektal yang berkemahiran melakukan ujian diagnostic ultrasound endorectal, ultrasound ini memang

sesuai mendiagnosis barah awal T1 atau T2. Ini dapat dilakukan sebagai "office procedure" tanpa sebarang masalah.

Apakah risiko untuk prosedur TAMIS?

Risiko yang boleh timbul dari prosedur ini ialah


- Pendarahan dari tempat pembedahan. Ini boleh berlaku semasa pembedahan atau selepas pembedahan.
 - Infeksi di bahagian lapisan pembedahan TAMIS
 - Kebocoran di lapisan rektum semasa pembedahan di mana bahagian kebocoran tersebut terpaksa di perbaiki secara jahitan melalui pembedahan laparoskopik abdomen atau secara laparotomi.
 - Barah timbul semula. Ini boleh berlaku jika "margins" yang secukupnya tidak dieluarkan semasa pembedahan awal.
 - Kederaaan sphincter anus disebabkan oleh peralatan laparoskopik di bubar yang boleh berlaku sekiranya "set-up" yang dilakukan tidak cermat.
- Siapakah yang tidak layak untuk prosedur TAMISini?
- Barah rektum yang besar dari 3 cms atau lebih dari T1 staging
 - Mempunyai kesan merebak di lymph node (kelenjar)
 - Barah terlampaui dekat di anus atau tangkal anus
 - Barah yang berulang dari pembedahan



TAMIS yang terdahulu

Sememangnya pembedahan / prosedur TAMIS ini memberi manfaat kepada pesakit barah awal rektum dan tidak memerlukan stoma. Oleh itu anda semua digalakkan untuk menjalani ujian saringan kolonoskopi agaranya barah ini dapat di tangkap di peringkat awal.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang prosedur/pembedahan TAMIS ini atau sebarang jenis pembedahan laparoscopic kanser usus, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopik dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131



Bajet 2022

Strategi pemulihan sektor ekonomi akan direalisasikan

PUTRAJAYA - Strategi pemulihan sektor ekonomi akan direalisasikan menerusi Bajet 2022 yang dirangka berdasarkan senario negara ketika ini, kata Menteri Kewangan Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Menurutnya, negara ketika ini sedang dalam tempoh pemulihan daripada pandemik COVID-19 yang hampir melumpuhkan keseluruhan ekosistem perniagaan.

"Bajet 2022 menjadi cerminan tekad kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara sekali gus mengembalikan keyakinan pelabur asing untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi



TENGKU Zafrul

pelaburan utama," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis penyerahan surat penerimaan kemudahan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) SME Relief Program (SRP) Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihran Ekonomi (PEMULIH) Fasa 2 SME Bank, di sini, pada 20 Okt lepas.

Bajet 2022 akan dibentangkan di Parlimen pada 29 Oktober ini.

Tengku Zafrul memberi jaminan bahawa kerajaan akan meneruskan kesemua pakej bantuan yang telah diumumkan bagi tujuan pemulihran jangka panjang sektor ekonomi negara.

"Bajet 2022 bakal menentukan kesinambungan dasar dan bantuan untuk menyokong perniagaan agar kekal berdaya tahan ketika menghadapi krisis selain melindungi mata pencarian, kehidupan rakyat dan perniagaan," katanya.

Sementara itu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Datuk Seri Nancy Shukri berkata strategi pemulihran negara yang terkandung dalam

Bajet 2022 akan memastikan usahawan PKS sektor pelancongan terus berdaya saing sekali gus meningkatkan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menurutnya, KDNK sektor pelancongan menyumbang 15.9 peratus atau RM240.5 bilion pada 2019 namun merosot kepada 14.1 peratus atau RM199.4 bilion pada 2020 akibat pandemik itu.

Nancy dalam pada itu berkata sebanyak 337 daripada 688 permohonan untuk pembiayaan sektor pelancongan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah diluluskan sehingga 24 Sept lepas yang melibatkan pembiayaan sebanyak RM66.9 juta.

Beliau berkata kemudahan pembiayaan itu menjadi 'nilai tambah' kepada usahawan PKS sektor pelancongan untuk kembali memulakan operasi setelah kerajaan mengumumkan kebenaran rentas negeri berkuat kuasa 11 Okt lepas.

"Sektor pelancongan menerima impak teruk sejak penularan pandemik COVID-19 berikutnya sekatan perjalanan dan penutupan pintu sempadan antarabangsa. Jadi, pelbagai inisiatif dan pakej rangsangan disediakan untuk usahawan industri pelancongan supaya mereka mampu bertahan dalam tempoh krisis ini," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga bersestuju memberi pengecualian cukai pelancongan dan perkhidmatan kepada pengendali hotel sehingga akhir tahun ini menerusi Paket Perlindungan Rakyat dan Pemulihran Ekonomi (PEMULIH), di mana RM2.34 bilion nilai pengecualian cukai tersebut telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan. - BERNAMA



UTeM merangka kerjasama strategik program-program berkaitan teknousahawan bersama Hatten Land Limited menerusi majlis LOI yang diadakan secara maya, baru-baru ini.

UTeM, Hatten Land Limited jalin kerjasama

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan Hatten Land Limited merangka kerjasama strategik program-program berkaitan teknousahawan secara maya, baru-baru ini.

Menerusi Majlis Menandatangani Surat Niat (LoI) itu, UTeM diwakili Penolong Naib Canselor (Industri dan Masyarakat), Prof Madya Md Nazri Othman dan disaksikan Pengarah Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawan (CREATE), Isma Addi Jumbri.

Manakala Hatten Land Limited diwakili Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Hatten Land Limited, Datuk Colin Tan June Teng serta disaksikan Pengurus The Medici Watermark Sdn Bhd (TMW) Victor Ng dan Pengarah TMW, Akihiro Yamamoto.

Md Nazri berkata, kerjasama strategik antara universiti dan industri yang melibatkan Malaysia dan Singapura ini berupaya meningkatkan kepakaran staf dan memberi manfaat buat pelajar dan alumni.

"Kerjasama ini turut memperluaskan dimensi usahawan dan syarikat pemula (startup) kerana ia memudahkan urusan berkaitan sewaan premis.

"Ini membolehkan mereka lebih berfokus kepada pembangunan produk atau perkhidmatan yang lebih menguntungkan."

"Antara lain ia membuka ruang dan peluang buat staf UTeM dalam perundingan dan pemindahan ilmu serta teknologi secara langsung kepada komuniti terutama para usahawan," katanya dalam satu kenyataan pada 21 Okt lepas.

Sementara itu, Isma Addi berkata jalinan itu menjadi langkah awal dan bersepudu mengangkat CREATE UTeM ke tahap global selain terus dinamik dalam menjayakan hubungan kerjasama bersama pihak luar.

"Platform ini turut merangsang kerjasama bersepudu antara TMW dan CREATE untuk menganjurkan program bertaraf antarabangsa berkaitan teknousahawan dan perniagaan yang memberi manfaat kepada para usahawan, warga UTeM, para pelajar dan alumni," katanya.

Sementara itu pada masa yang sama, June Teng berpendangan, kerjasama ini semestinya akan menyerlahkan impak ruang kerja bersama antara usahawan dengan UTeM melalui projek Hatten yang dikenali sebagai PRIME 53.

"PRIME 53 berfungsi sebagai platform buat perusahaan Singapura dan Malaysia untuk berkolaborasi serta mendorong kepada skala ekonomi yang lebih besar dan mencipta idea perniagaan baru," katanya.

TMW merupakan anak syarikat Hatten Land Limited yang berfokus kepada penilaian dan pencarian peluang baru dengan mengabungkan harta tanah dengan ekonomi digital dan bersesuaian dengan UTeM yang terkenal dengan bidang teknikal dan teknousahawan.

PUNB tawar moratorium penuh pembiayaan perniagaan

KUALA LUMPUR – Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) menawarkan pemberian moratorium penuh ke atas prinsipal dan keuntungan kepada Rakan Usahawan yang layak dan tambahan diskauan sewa 20 peratus hingga 70 peratus kepada penyewa premis perniagaan PUNB bermula 1 Julai hingga 31 Dis, 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif PUNB, Izwan Zainuddin berkata penambahbaikan tersebut dibuat ke atas pelaksanaan moratorium sebelum ini yang hanya melibatkan pembayaran prinsipal dan tawaran diskauan 50 peratus bagi sewa premis perniagaan.

"Pemberian moratorium



IZWAN

bagi tempoh Januari hingga Disember 2021 ini memberi manfaat kepada hampir 3,300 syarikat Rakan Usahawan PUNB dengan nilai berjumlah RM118.51 juta," katanya dalam satu kenyataan yang

dikeluarkan pada 20 Okt lalu. Beliau berkata semua Rakan Usahawan PUNB yang telah mendapat moratorium bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 secara automatik layak menerima inisiatif ini.

Selain itu, usahawan baharu, penerima pembiayaan tambahan dan syarikat yang menerima pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan Bantuan Bumiputera dan Skim Pembiayaan Usahawan Terkesan COVID-19 turut layak secara automatik, katanya.

Izwan berkata langkah proaktif itu diambil untuk memastikan kelangsungan perniagaan dan membantu usahawan yang dalam proses

pemulihran perniagaan ketika negara sedang bersedia untuk masuki fasa endemik.

Selain itu, pemberian moratorium dan penambahan diskauan sewa tersebut bertujuan memberikan kelebihan aliran tunai segera kepada usahawan yang mungkin menghadapi kekangan kewangan sementara akibat pandemik COVID-19, katanya.

Beliau berkata pemberian diskauan tambahan ke atas sewa premis perniagaan melibatkan anggaran kutipan sewa sebanyak RM6.78 juta bagi tempoh Januari hingga Disember 2021 dengan melibatkan 246 penyewa. - BERNAMA

Polis Melaka lupus dadah bernilai RM94,918

Farah Suhaidah Othman

AYER KEROH – Polis Melaka melupuskan pelbagai jenis dadah dianggarkan lebih RM94,000 yang dirampas sejak tahun 2005 hingga tahun ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) negeri, Superintendant Zulkiflee Rashid berkata, pelupusan berkenaan merupakan kali kedua dilakukan pada tahun ini.

Menurutnya, pelupusan dibuat mengikut permatuhan piawaian alam sekitar di Ladang Tanah Merah A3 Division, Bukit Pelandok pada 20 Okt lalu.

"Pelupusan itu membabitkan 2,102 kertas siasatan bagi tahun 2005 hingga tahun dan semua kes tersebut sudah dijatuhi hukum di mahkamah.

"Antara jenis dadah yang dilupuskan adalah heroin seberat 1.35 kilogram, kafein (4.65 kg), cannabis (1.09 kg), methamphetamine (1.27 kg) ketamin (0.45 kg) dan methadone (20 liter)," katanya.

dalam satu kenyataan di sini, pada 22 Okt lepas.

Mengulas lanjut beliau berkata, semua barang kes yang dilupuskan itu adalah barang kes yang telah selesai dianalisa oleh Jabatan Kimia dan selesai menjalani proses perundangan.

Dalam pada itu jelasnya,

JSJN Melaka sentiasa komited untuk membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah dan menyeroni masyarakat khususnya rakyat di negeri menyalurkan maklumat mengenai perkara itu.

"Polis mengalu-alukan kerjasama masyarakat dalam menyalurkan maklumat ber-

kaitan sebarang aktiviti pengedaran yang berlaku di sekeliling mereka," katanya.



ZULKIFLEE



ANTARA dadah yang disimpan dalam tong sebelum dilupuskan di Port Dickson, Negeri Sembilan, pada 20 Okt lalu.

Amaran peniaga sorok barang

Norizan Muhib

AYER KEROH – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka memberi amaran kepada peniaga di negeri ini agar tidak mengambil kesempatan menyorok bekalan makanan.

Pengaruhnya, Norena Jaafar berkata, pihaknya sedang mengenal pasti golongan peniaga terbabit dan siasatan sedang dijalankan sebelum tindakan penguatkuasaan dikenakan terhadap mereka.

Menurutnya, ia susulan daripada banyak aduan yang diterima daripada orang awam mengenai tindakan tidak bertanggungjawab peniaga terbabit menyorok barang keperluan.

"Kita sudah kenal pasti peniaga berkenaan dan siasatan terhadap mereka sedang dijalankan sebelum tindakan kompaun diambil ke atas mereka pada masa terdekat ini," katanya ketika dihubungi MHI.

Menurutnya, peniaga terlibat tidak seharusnya melakukan tindakan tersebut kerana ia jelas menyusahkan pengguna terutama melibatkan barang keperluan asas.

Pada masa yang sama, katanya, kerjasama orang ramai amat diperlukan bagi membantu menyalurkan aduan berhubung salah laku peniaga sama ada kegiatan sorok barang atau melaporkan mengenai kenaikan harga barang.

Aduan boleh disalurkan pada talian 06-234 5822 atau email e-aduan@kpdnhep.gov.my, watapp 019- 279 4317 atau hadir di pejabat KPDNHEP negeri.



NORENA

KADAR TETAP SERENDAH
2.38%
setahun

**Nikmati
tawaran hebat**
Kempen Akhir Tahun Pembiayaan
Peribadi BSN MyRinggit/i

Ansuran bulanan rendah

Kadar keuntungan menarik

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Pengurus Wilayah Jasin (En. Azian Minhat 019 6567466)
Pengurus Wilayah Melaka Tengah (Pn. Rahimah Sulaiman 016 6292632)
Pengurus Wilayah Alor Gajah (En. Mohd Shahril Mohd Sharif 019 6303952)

Tempoh Pembiayaan Maksimum adalah 10 Tahun.
Nota: 2.38% kadar tetap untuk tempoh pembiayaan 3 tahun (bersamaan KA* + 1.92%).
*Kadar Asas (KA) BSN semasa ialah 2.60% (berkuat kuasa dari 15 Julai 2020).

Tempoh Kempen: 1 Oktober - 31 Disember 2021

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada terma dan syarat.



IMBAS DI SINI UNTUK
KETAHUI LEBIH LANJUT

Jonker Walk dibuka semula

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) menganjurkan Pasar Malam Jonker atau lebih dikenali sebagai Jonker Walk sudah kembali beroperasi.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Zainal Abu berkata, pembukaan semula itu selaras dengan kebenaran rentas negeri yang diumumkan kerajaan serta peralihan Melaka ke Fasa 4 Pelan Pemulihian Negara (PPN).

Bagaimanapun, katanya, dalam

usaha memastikan perniagaan di kawasan itu selamat daripada ancaman penularan COVID-19, hanya individu lengkap dua dos vaksin sahaja dibenarkan mengunjungi kawasan tumpuan itu.

“Kita kini sedang memuktamadkan bersama bahagian pelesenan MBMB untuk mewujudkan hanya satu sahaja laluan keluar dan masuk ke Jonker Walk.

“Berkaitan SOP, selain lengkap dua dos vaksin, pengunjung juga mesti mematuhi SOP biasa yang ditetapkan seperti pemakaian pelitup

muka, penjarakan fizikal dan santi.

“Saya percaya kita sudah lama hidup dalam suasana pandemik COVID-19, jadi semua sudah tahu tanggungjawab masing-masing mempraktikkan kehidupan dalam suasana norma baharu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Sistem Pengurusan Bersepakat MBMB ISO45001:2018 dan 14001:2015 sempena Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta Alam Sekitar MBMB 2021 di Dewan Taming

Sari MBMB, pada 22 Okt lepas.

Zainal memaklumkan, MBMB merupakan pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di negeri ini yang melaksanakan sistem pengurusan bersepakat yang bakal memudahkan pembangunan dokumentasi dan pemantauan setaraf standad organisasi antarabangsa.

Dalam majlis itu, MBMB turut menyampaikan sumbangan kepada lapan anak-anak Melaka yang kematian ibu dan bapa akibat pandemik COVID-19 menerusi inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya.



ZAINAL

Tempahan bilik Ames Hotel & MetraSquare penuh

Liana Sahabudin

AYER KEROH – AMES Hotel & MetraSquare menutup sementara tempahan bilik hotel sehingga 22 Nov berikutan peningkatan mendadak pengunjung di kedua-dua hotel berkenaan.

Pengurus Besar AMES Hotel & MetraSquare, Prtipal Singh Paul berkata, setakat ini sebanyak 394 bilik hotel telah pun ditempah sepenuhnya bermula awal Nov ini.

“Memandangkan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka akan diadakan bermula 1 hingga 22 Nov ini, hotel kita dah ‘fully book’ terutama daripada tokoh-

tokoh politik.

“Jumlah bilik hotel di Ames ada 210 bilik dan MetraSquare 184 bilik menjadikan hampir 400 bilik dah penuh.

“Jadi untuk tempahan secara ‘walk in’ selepas ni kita dah sekat dan tempahan atas talian terpaksa dikawal,” katanya ketika ditemui MHI pada 22 Okt lepas.

Sementara itu Penolong Pengurus Besar Ames Hotel, Nurashiken Zainal Abidin berkata berikutnya peningkatan yang mendadak pihaknya juga mengalami masalah kekurangan pekerja.

“Kita ada pelanggan tetap, bila dah sampai

tahap sesak tu kita kena pastikan servis kita di tahap terbaik.

“Kena ada cukup kakitangan tapi masalah kita sekarang ini ia masih tidak mencukupi biarpun sudah ada 190 kakitangan.

“Kedua-dua hotel dah penuh 90 peratus, nak dapatkan pekerja tempatan memang susah, sekarang kita harapkan sekurangnya dapat 20 pekerja untuk bahagian mengemas bilik.

Nurashiken berkata pihaknya akan menawarkan gaji pokok lebih tinggi berbanding sebelum ini kepada mereka yang ingin bekerja.



PRITPAL

TEMPAHAN bilik hotel di AMES Hotel & MetraSquare penuh sehingga 22 Nov.





PEJABAT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA

KENYATAAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan berikut:

No. Rujukan	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	Tarikh & Masa Tutup Sebutharga
PTYT 400/1/3(36)	Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Bangunan Pejabat TYT yang di-Pertua Negeri Melaka	221001 – Mencuci Bangunan & 221002 - Membersih Kawasan	05 November 2021 (Jumaat) Jam 12.00 tgh.

2. Dokumen sebutharga boleh didapati di **Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, Jalan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka** dengan percuma pada waktu pejabat seperti berikut:

Isnin hingga Khamis :	8.00 pagi	-	12.45 tengah hari dan 5.00 petang
Jumaat :	8.00 pagi	-	12.00 tengah hari dan 6.00 petang

3. Pemohon dibenarkan melihat kawasan bangunan Pejabat TYT pada bila-bila masa waktu Pejabat.

4. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan di tulis **“SEBUTHARGA PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN PEJABAT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA”** di penjuru kiri sampul berkenaan. Dokumen hendaklah dihantar di alamat di atas pada atau sebelum tarikh tutup. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

5. Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka tidak terikat untuk menerima Sebutharga dengan harga terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharganya Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka adalah muktamad

Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui talian berikut:

06-2307218

E-sukan tidak dilupakan - Ahmad Faizal

SUKAN elektronik atau e-sukan akan tetap mendapat peruntukan se-wajarnya dalam Belanjawan 2022 yang dibentang pada hujung bulan ini, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Beliau berkata peruntukan bagi e-sukan, yang semakin mendapat perhatian dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya golongan muda, tidaklah terlalu besar.

"Ada tetapi bukan terlalu besar kerana seperti yang kita tahu, kerajaan memberi fokus kepada penjanaan ekonomi pasca COVID-19. Kita tahu banyak peluang pekerjaan terjedas dan fokus kerajaan kepada itu tetapi kita tidak akan meninggalkan perkara baik seperti e-sukan yang perlu kita kembangkan."

"Saya tidak kata ia bertambah atau berkurang tetapi apa yang pasti, kita memberi penumpuan kepada perkembangan sukan ini," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penutup Mobile Legends Pro League (MPL) Malaysia Musim Ke-8 di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Belanjawan 2021 menyaksikan e-sukan mendapat peruntukan sebanyak RM15 juta dan ini adalah



INDUSTRI e-sukan semakin mendapat perhatian dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan belia.
FOTO KREDIT kakuchopurei.com

Sukan SEA Hanoi ditunda ke 2022

TEKA-TEKI mengenai status penganjuran Sukan SEA ke-31 di Hanoi, Vietnam akhirnya terjawab apabila temasya dwitahunan itu sah bakal dianjurkan pada Mei 2022.

Namun, Jawatankuasa Olimpik Vietnam (VOC) akan hanya menetapkan tempoh spesifik penganjuran temasya berkenaan pada penghujung bulan ini selepas mendapat pengesahan daripada Kerajaan Vietnam.

Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Tan Sri Mohamad Norza Zakaria berkata keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Pejabat Persekutuan Sukan SEA (SEAGF) secara dalam talian yang dipengerusikan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Seri Chaiyapak Siriwat.

"Kita beranggapan bahawa kita sudah sampai ke peringkat certainty(kepastian) dan keputusan yang muktamad terhadap pelaksanaan Sukan SEA."

Kita ucapkan terimakasih kepada Vietnam kerana kembali dengan satu kepastian mengenai waktu penganjuran iaitu pada Mei 2022," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat itu di Wisma OCM, Kuala Lumpur pada 18 Okt lepas.

Julai lepas, SEAGF mengesahkan temasya Sukan SEA ke-31, yang dijadualkan berlangsung pada 21 Nov hingga 2 Dis ini ditunda ke tahun hadapan berikutnya

situasi pandemik COVID-19.

Sementara itu, Mohamad Norza berharap pengerahan itu dapat memberi kelegaan kepada barisan atlet dan pegawai sukan terlibat yang sebelum ini "terperangkap" dalam dilema untuk melakukan persediaan susulan waktu penganjuran temasya yang baharu belum ditetapkan.

Beliau berkata dengan tempoh yang singkat menjelang temasya itu, tumpuan kini dari aspek persediaan atlet dan Mohamad Norza turut meminta Jawatankuasa Pemilihan Sukan SEA untuk memulakan mesyuarat bagi membincangkan soal pembahagian atlet yang akan bertanding.

"Semua sedia maklum 2022 merupakan tahun sangat sibuk dengan temasya sukan besar seperti Sukan Komanwel yang dijadual pada pertengahan 2022, Sukan Asia pada November," katanya sambil menyayarkan persatuan sukan kebangsaan terlibat supaya bersedia seawal mungkin.

Mohamad Norza mengakui dalam keadaan mencabar untuk mempersiapkan atlet terdapat kemungkinan berlakunya pilih kasih atau berat sebelah dalam proses pemilihan atlet, namun tegasnya perkara itu tidak seharusnya terjadi. -BERNAMA

Pemain muda lelaki akan diberi pendedahan berterusan - Norza

BARISAN 'ubi muda' perseorangan lelaki negara akan diberikan peluang pendedahan secara berterusan supaya jurang prestasi yang ketara antara mereka juara All England 2021 Lee Zii Jia dapat dikurangkan.

Jaminan itu diberikan Presiden Persatuan Badminton Malaysia (BAM) Tan Sri Mohamad Norza Zakaria selepas melihat terdapat perkembangan positif ditunjukkan mereka yang diberi kepercayaan beraksi pada kemenangan Piala Thomas di Aarhus, Denmark baru-baru ini.

Beliau berkata Ng Tze Yong yang berusia 21 tahun dan Leong Jun Hao, 22, antara nama yang menonjol susulan persembahan ditampilkan mereka pada kejohanan berprestij itu yang menyaksikan Malaysia terkandas di peringkat suku akhir selepas tewas 0-3 kepada musuh tradisi Indonesia.

"Ada mengatakan kita mungkin tidak memberi pendedahan kepada Tze Yong dan Jun Hao. Saya nak bagi tahu Tze Yong dan Jun Hao telah membanggakan kita, mereka menunjukkan kemampuan mereka dan memang ya kita akan memberikan mereka peluang yang lebih."

"...mungkin kelemahan kita adalah balik-balik bercakap tentang Zii Jia, Aaron (Aaron Chia) dan Soh (Soh Wooi Yik). Kita harus merapatkan jurang antara pemain perseorangan lain iaitu Tze Yong, Jun Hao dan Aidil Sholeh (Aidil Sholeh Ali Sadikin) untuk kejar (rapatkan jurang prestasi dengan) Zii Jia," katanya.

Beliau yang ditemui selepas menghadiri Mesyuarat Pejabat Persekutuan

tahun ketiga pembangunan sukan digital itu diberi perhatian dalam pembentangan belanjawan.

Untuk rekod, kerajaan memperuntuk dana sebanyak RM20 juta kepada e-sukan melalui Belanjawan 2020 dan RM10 juta dalam Belanjawan 2019.

Ahmad Faizal juga berkata e-sukan mampu berkembang sendiri namun kerajaan tetap perlu memainkan peranan dengan memberi sokongan kepada sektor itu bagi mengembangkan lagi potensinya sekali gus menjana pendapatan buat negara.

Beliau memberi jaminan Kementerian Belia dan Sukan akan terus menjalankan tanggungjawabnya dalam memastikan perkembangan e-sukan negara dipelihara.

"Ia tidak boleh kita halang perkembangannya, ia berlaku di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia dan kehangatan ini kita perlu pupuk, bukannya kita kekang agar para pemain sukan ini dapat menggunakan ke arah kebaikan, bukan ke arah negatif."

"Bagi anak muda yang meminati e-sukan, ia boleh menjana pendapatan yang begitu besar merentasi latar belakang," katanya.- BERNAMA



KALI terakhir Malaysia menjadi juara keseluruhan Sukan SEA adalah pada tahun 2017, yang mana menyaksikan Malaysia menjadi tuan rumah pada ketika itu.

Sukan SEA (SEAGF) secara dalam talian di Wisma OCM pada 18 Okt lalu, berkata peluang pendedahan yang sama turut akan diberikan kepada semua pasangan beregu lelaki negara.

Mohamad Norza berkata skuad kebangsaan tidak boleh hanya bergantung kepada gandingan utama yang juga pemang pingat gangsa Sukan Olimpik Tokyo 2020 Aaron-Wooi Yik pada setiap masa.

"Jadi ini tanggungjawab barisan kejurulatihan dan tanggungjawab Choong Hann (Pengarah Kejurulatihan BAM Wong Choong Hann), janganlah hanya bergantung kepada pemain yang sama sahaja, kita perlu membentuk pemain baharu, dengan itu saja satu hari kita boleh raih Piala Thomas dan kejayaan lain," katanya.

Sementara itu, Mohamad Norza menegaskan bahawa BAM akan memberikan layanan sama rata kepada semua pemain dalam skuad kebangsaan termasuk pasukan wanita.

Beliau berkata tiada layanan istimewa kepada pemain-pemain tertentu dengan mereka yang tidak berjaya mempamerkan konsistensi bakal kehilangan segala kelebihan dan pengiktirafan daripada badan induk itu.

"Bagi kita semua sama, kalau setakat anda menang hari ini esok tak menang, lusa anda menang selepas itu tak menang, anda bukan pemain bertaraf dunia lagi, jadi tingkatkanlah usaha, itu sahaja caranya," jelasnya sambil menyifatkan BAM juga harus memastikan setiap pelaburan yang dibuat memberikan pulangan positif.- BERNAMA



E-SUKAN TETAP DAPAT
PERUNTUKAN SEWAJARNYA
• Lihat muka 23

Sukan MELAKA HARI INI

SUKAN SEA
HANOI DITUNDA
KE 2022

• Lihat muka 23 >>



MUFC putuskan hanya 8,000 ke 10,000 penyokong sahaja boleh menyaksikan perlawanan Piala Malaysia di Stadium Hang Jebat bermula 29 Okt ini. FOTO SUMBER TWITTER ULTRAS TAMING SARI

10,000 penyokong boleh gegau 'Jebat'

AWAY-DAY
سُنْتَايِّ مَايِّ

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KELAB Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) memutuskan hanya 8,000 ke 10,000 penyokong sahaja boleh menyaksikan perlawanan Piala Malaysia di Stadium Hang Jebat bermula 29 Okt ini.

Pengurus Pasukan, Muhammad Akram Abdullah berkata, walaupun kapasiti penyokong yang dibenarkan ialah 20,000 berikutnya peralihan Melaka ke Fasa 4 Pelan Pemuliharaan Negara (PPN), namun keputusan itu diambil sebagai langkah berjaga-jaga.

Katanya, mesyuarat baru-baru ini juga telah memutuskan bahawa tempat duduk setiap penyokong akan dijarakkan setiap dua

kerusi.

"Kita ambil keputusan hanya 8,000 ke 10,000 sahaja yang dibenarkan ke stadium kerana kita seboleh-bolehnya cuba untuk mengelakkan sebarang perkara tidak diingini."

"Sebagaimana syarat yang ditetapkan MFL dan kerajaan, penyokong yang hadir juga mesti lengkap dua dos vaksin selain wajib memakai pelitup muka sepanjang perlawanan dan kanak-kanak bawah umur 18 tahun juga tidak dibenarkan berada di stadium mengikut SOP yang ditetapkan."

"Tiket perlawanan pula buat masa ini tidak dijual secara fizikal sebaliknya hanya dijual secara dalam talian (online) sahaja

buat masa ini.

"Segala maklumat mengenai pembelian tiket akan dimaklumkan di laman Facebook Melaka United Football Club," katanya kepada MHI.

Dalam pada itu, mengulas mengenai aksi menentang Kelantan United di Stadium Hang Jebat, 29 Okt ini, Muhammad Akram berkata, pihaknya sama sekali tidak akan mengambil mudah cabaran pasukan dari Liga Premier itu.

Sebaliknya, setiap perlawanan akan diberi perhatian serius bagi membolehkan skuad Hang Tuah konsisten meneruskan rentak kemenangan dalam kempen Piala Malaysia 2021.

		P	GD	PTS
1	MELAKA UNITED FC	2	4	6
2	KEDAH DARUL AMAN FC	2	1	3
3	NEGERI SEMBILAN FC	2	-1	3
4	KELANTAN UNITED FC	2	-4	0



KUMPULAN C

MELAKA UNITED FC 2 4 6

KEDAH DARUL AMAN FC 2 1 3

NEGERI SEMBILAN FC 2 -1 3

KELANTAN UNITED FC 2 -4 0



PIALA
MALAYSIA

JADUAL PERLAWANAN



29 Oktober | 9.00 malam
Stadium Hang Jebat



MELAKA UNITED FC

KELANTAN UNITED FC

www.melakahariini.my f @ Melaka Hari Ini m Melaka Tv

Grafik : Melaka Hari Ini Sumber : (Facebook) Melaka United Football Club